



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

**MODUL TOPIKAL
LATIH TUBI BERFOKUS**

**MENUJU PUNCAK
KECEMERLANGAN
PRINSIP
PERAKAUNAN
SPM 2021**

DISEDIAKAN OLEH:

**JURULATIH UTAMA PRINSIP PERAKAUNAN
UNIT TEKNIK & VOKASIONAL
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
TAHUN 2021**

PERSAMAAN PERAKAUNAN

**Disediakan oleh : Cikgu Wanti Bt Masrom
SMK Sri Kota Puteri, Pasir Gudang**

**Disemak oleh : Cikgu Md Azhan Bin Md Nasir
SMK Mutiara Rini 2, JB**

Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik

Aset = Liabiliti + Modal + Hasil – Belanja
Aset = Liabiliti + Modal + Untung Bersih - Ambilan

PERSAMAAN
PERAKAUNAN

Soalan 1

Perniagaan Akmal adalah sebuah kedai alatan sukan yang dijalankan di Kota Bharu, Kelantan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020 adalah seperti berikut:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020			
Perabot	17 480	Modal	43 200
Inventori	37 240	Untung bersih	22 000
Akaun Belum Terima	7 330	Akaun Belum Bayar	6 300
Bank	9 450		
	71 500		71 500

Urus niaga dalam bulan Mei 2020 adalah seperti berikut:

- i Pemilik telah mengeluarkan barang niaga bernilai RM1 000. Satu per lima daripadanya dihantar ke rumah anaknya. bakinya di sumbang kepada mangsa banjir.
- ii Menjual 20 % daripada barang niaga kepada Zamzulaila secara kredit bernilai RM9 500.
- iii Menerima sekeping cek tak laku bernilai RM1 200.
- iv Menerima nota kredit daripada Pembekal Zack berjumlah RM350 kerana pulangan barang niaga yang rosak.
- v Mengeluarkan tunai dari bank bernilai RM1 800 untuk kegunaan pejabat
- vi Bayar sewa kediaman dengan cek bernilai RM1 500.

Anda dikehendaki :

Melengkapkan Jadual Persamaan untuk menunjukkan urus niaga yang berlaku pada bulan Mei 2020.

Perabot	Bank	Tunai	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Untung Bersih	Akaun Belum Bayar	Ambilan

*JAWAPAN: Perabot RM17480 Inventori RM28642 ABT RM18030 Bank RM4950 Tunai RM1800 Modal RM43200
Untung Bersih RM23452 ABB RM5950 Ambilan 1700*

Soalan 2

Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Sunday adalah seperti berikut

Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 April 2020

	RM		RM
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	50 000	Modal	69 900
Alatan pejabat	13 500	Untung bersih	17 900
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Bank	9 300	Akaun Belum Bayar	8 500
Inventori akhir	12 000		
Akaun Belum Terima	<u>11 500</u>		
	<u>96 300</u>		<u>96 300</u>

Urusniaga yang berlaku pada bulan April 2020 adalah seperti berikut:

- i) Pemilik membawa masuk penghawa dingin peribadi bernilai RM1 500 untuk kegunaan perniagaan.
- ii) Jualan RM4 650 daripada inventori kepada Samer dengan harga RM5 700
- iii) Mengeluarkan cek bernilai RM750 untuk membayar sewa kediaman pemilik.
- iv) Membeli barang niaga secara kredit RM6 600
- v) Sekeping cek diterima daripada Puan Hanie bernilai RM550 dipulangkan kerana didapati cek tak laku.
- vi) Membayar Pembekal Anour RM5 720 dengan cek dan menerima diskaun RM320.
- vii) Membayar gaji pekerja RM900 dengan cek.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan berikut:

Kenderaan	Alatan Pejabat	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Untung Bersih	Akaun Belum Bayar	Ambilan

JAWAPAN: Kenderaan RM50,000 Alatan Pejabat RM15000 Bank RM1380 Inventori RM13950 ABT RM17750 Modal RM71400 Untung Bersih RM18370 ABB RM9060 Ambilan RM750

Soalan 3

Puan Sofea memulakan Perniagaan Permata di Bandar Seri Alam yang menjual makanan berasaskan jeruk. Pada 1 April 2020, puan Sofia telah membawa aset berikut ke dalam perniagaan:

	RM
Perabot	4 500
Kenderaan	60 000
Tunai di bank	15 500

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2020.

- (i) Menerima invois daripada pembekal buah pala bernilai RM4 000.
- (ii) Menjual buah salak jeruk berkos RM2 000 secara kredit pada harga RM2 400.
- (iii) Pulangan jualan RM450.
- (iv) Terima cek dari Akaun Belum Terima berjumlah RM1 170.
- (v) Cek bernilai RM350 dikeluarkan untuk membayar insurans peribadi.
- (vi) Bayar sewa premis dengan cek RM800.
- (vii) Bayar Akaun Belum Bayar dengan cek RM2 740 .
- (viii) Sekeping cek bernilai RM606 yang diterima daripada Akaun Belum Terima dipulangkan oleh bank dengan bertanda "Rujuk Penyuruh Bayar"
- (ix) Bank telah meluluskan pinjaman sebanyak RM7 000. Wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Jadual persamaan perakaunan mengikut format seperti di bawah

ASET = LIABILITI + EKUITI PEMILIK									
Perabot	Kenderaan	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Pinjaman	Modal	Ambilan	Untung Bersih
RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM

JAWAPAN: Perabot RM4500 Kenderaan RM60000 Bank RM19174 ABT RM1386 Inventori RM2450 ABB RM1260 Pinjaman RM7000 Modal RM80000 Ambilan RM350 Rugi Bersih RM400

Soalan 4

Berikut ialah baki yang diambil daripada buku-buku perakaunan Syarikat Subhi pada 31 Mac 2020.

	RM		RM
Alatan Pejabat	8 750	Inventori akhir	2 740
Lengkapan	6 830	Modal	25 000
Perabot	8 260	Bank (Overdraf)	3 230
Tunai	1 560	Akaun Belum Bayar	3 880
Akaun Belum Terima	4 260	Gaji Belum Bayar	290

Urus niaga berikut belum dimasukkan dalam buku-buku perakaunan tersebut.

- i) Seorang Akaun Belum Terima telah membayar cek RM780 untuk menjelaskan hutangnya berjumlah RM800.
- ii) Jualan inventori berkos RM2 000 dan terima cek RM3 700.
- iii) Membeli barang niaga bernilai RM2 350 secara kredit.
- iv) Pemilik telah mengambil barang niaga bernilai RM390 untuk kegunaan keluarga. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- v) Pemilik telah mengeluarkan cek bernilai RM3 650 untuk menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar. Diskaun diterima RM230.
- vi) Dua buah komputer lama yang mempunyai nilai buku RM1 700 dijual dengan harga RM2 850. Wang itu telah dibankkan.
- vii) Gaji belum bayar dijelaskan dengan tunai.
- viii) Sebuah komputer peribadi yang bernilai RM2 780 dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan.
- ix) Memulangkan barang yang rosak kepada pembekal bernilai RM330.
- x) Pemilik mengeluarkan sebuah rak buku pejabat bernilai RM280 untuk kegunaan anaknya.
- xi) Pelanggan memulangkan barang salah jenama bernilai RM420
- xii) Sebahagian daripada inventori yang tinggal dijual secara tunai dengan harga RM2 100
- xiii) Memasukkan tunai ke dalam bank RM2 000

Anda dikehendaki :

- (a) Melengkapkan jadual persamaan perakaunan
- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan selepas mempertimbangkan urus niaga di atas.

ASET = LIABILITI + EKUITI PEMILIK											
Alatan Pejabat	Lengkapan	Perabot	Tunai	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Gaji Belum Bayar	Modal	Ambilan	Untung Bersih
RM		RM		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM

JAWAPAN: Alatan Pejabat RM9380 Lengkapan RM6830 Perabot RM7980 Tunai RM1370 ABT RM3040 Inventori RM1395 Bank RM2450 Modal RM27780 Untung Bersih RM3765 Ambilan RM670 ABB RM2020 Gaji Belum Bayar RM0 PKK RM32895

BUKU TUNAI RUNCIT

**Disediakan oleh : Cikgu Abdul Ghaffar Bin Abu Bakar
SMK Lktp Ulu Belitong, Kluang**

**Disemak oleh : Cikgu Suhazanzer Bin Suboh
SMK Tun Syed Nasir Ismail, JB**

BUKU TUNAI RUNCIT

Tujuan - Merekod perbelanjaan tunai yang amaunnya kecil dan yang kerap berlaku dalam perniagaan seperti bayaran alat tulis, belanja pos dan upah cuci pejabat.

Format Buku Tunai Runcit:

Contoh

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Penerimaan (Debit)	Pembayaran (Kredit)	Analisis	
				Alat Tulis	Pos
Ogos 1	Baki b/b	1			
1	Bank	9			
10	Pen		2	2	
16	Setem		4		4
		10	6	2	4
31	Baki h/b		4		
		10	10		
Sept. 1	Baki b/b	4			
	Bank	6			

↑
Rekupman

} Sistem Panjar

Pengeposan ke lejar:

Akaun Alat tulis

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 30	Tunai Runcit	2			

Akaun Belanja Am

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
Jun 30	Tunai Runcit	4			

Soalan 1

Encik Ghaffar adalah pengurus kewangan Perniagaan Sejati. Bermula pada bulan Jun 2020, beliau telah memutuskan untuk mengguna pakai Sistem Panjar. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali iaitu pada setiap awal bulan. Pada 1 Jun 2020, cek sebanyak RM250 untuk membiayai belanja runcit pada bulan tersebut telah diberi kepada kerani akaun Perniagaan Sejati.

Urus niaga bagi bulan Jun 2020 adalah seperti berikut:

2020	RM
Jun 4 Kalkulator	17
7 Tambang	25
12 Sampul surat	2
15 Alas meja dan pewangi pejabat	60
16 Membeli sebuah mesin pencetak	280
23 Gula, kopi dan milo	63
27 Parkir	5

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 Jun 2020 dengan menunjukkan lajur alat tulis, belanja perjalanan dan belanja pejabat.
(Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2020).

Jawapan : RM78

Soalan 2

Encik Hamzah menjalankan perniagaan milikan tunggal yang menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Pada 1 Mei 2020 baki tunai runcit ialah RM30 dan nilai panjarnya berjumlah RM250.

Urus niaga bagi bulan Mei 2020 adalah seperti berikut:

2020	RM
Mei 1 Bayaran balik oleh ketua juruwang	?
8 Beli pen, pensel dan dakwat	16
10 Bayar tambang teksi	39
15 Beli kertas A4	48
22 Setem dan sampul surat	30
25 Beli fail dan kertas pencetak	25
28 Beli rak fail	180

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Mei 2020 dengan lajur alat tulis, belanja pos dan tambang sebagai lajur analisis. Tunjukkan bayaran balik pada 1 Jun 2020.

Jawapan : RM92

Soalan 3

Syarikat Norzali Sendirian Berhad telah merekodkan perbelanjaan kecil-kecilannya di dalam Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan lajur alat tulis, belanja pos dan belanja perjalanan. Sebanyak RM200 diperuntukkan sebagai dana runcit. Pada 1 Mei 2020, kerani akaun menerima cek daripada ketua juruwang sebagai bayaran balik.

Berikut adalah urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mei 2020.

2020		RM
Mei 1	Baki Tunai Runcit	58
	Terima cek dari ketua juruwang	?
4	Penghantaran bungkusan melalui pos	16
10	Bayar tempat letak kereta	8
16	Beli kertas fotostat	30
21	Beli kerusi pejabat	550
23	Beli dakwat pencetak	60
31	Bayar petrol untuk motosikal	15

Anda dikehendaki :

(i) menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mei 2020

Jawapan : RM71

(ii) mengepos catatan ke lejar pada 31 Mei 2020

Soalan 4

Perniagaan Musafir telah menyediakan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan lajur analisis alat tulis, belanja pos dan belanja am. Wang permulaan RM300 diperuntukkan sebagai dana runcit.

Berikut adalah penggunaan wang sepanjang bulan Mac 2020.

		RM
Mac 1	Terima cek daripada ketua juruwang	300
6	Belanja minuman pejabat	50
10	Beli kertas A4 dan pen	35
13	Beli kipas pejabat	200
20	Bayar bil elektrik	230
22	Beli setem	10
25	Bayar upah membaiki pintu pejabat	70
27	Bayar pos laju	14

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit pada 31 Mac 2020.
(Tunjukkan bayaran balik pada 1 April 2017)

Jawapan : RM121

Soalan 5

Puan Mahawati telah dilantik oleh Perniagaan Atong untuk menguruskan perbelanjaan kecil syarikat. Syarikat mengamalkan sistem panjar dengan memperuntukkan RM150 setiap dua minggu sebagai dana runcit.

Baki tunai runcit pada akhir bulan April 2020 adalah RM46. Pada 1 Mei 2020, Cik Salamah, kerani akaun syarikat telah menerima sekeping cek daripada ketua juruwang sebagai bayaran balik.

Dokumen berikut menunjukkan pembayaran yang berlaku.

Perniagaan Atong No.5, Jalan Durian 3 83000 Batu Pahat, Johor		
BAUCAR TUNAI RUNCIT		
		BT024/20
		Tarikh: 2 Mei 2020
Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Klip kertas dan pemadam cecair	14.00
Jumlah		14.00
(Ringgit Malaysia : Empat Belas Sahaja)		

Perabot Chantek No.7, Jalan Adabi 83000 Batu Pahat, Johor		
BIL TUNAI		
Kepada:		
Perniagaan Atong		
No. 5, Jalan Durian 3,		
83000 Batu Pahat, Johor		
		Tarikh: 7 Mei 2020
Bil	Butir	Jumlah (RM)
1	Kerusi	155.00
Jumlah		155.00
(Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Lima Sahaja)		

Perniagaan Atong
No.5, Jalan Durian 3
83000 Batu Pahat, Johor

BAUCAR TUNAI RUNCIT

BT025/20

Tarikh: 10 Mei 2020

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Tambang teksi	63.00
	Jumlah	63.00

(Ringgit Malaysia : Enam Puluh Tiga Sahaja)

Perniagaan Atong
No.5, Jalan Durian 3
83000 Batu Pahat, Johor

BAUCAR TUNAI RUNCIT

BT026/20

Tarikh: 14 Mei 2020

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Setem 30 keping @ RM0.60	18.00
	Jumlah	18.00

(Ringgit Malaysia : Lapan Belas Sahaja)

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan bayaran balik oleh ketua juruwang dan lajur analisis bayaran iaitu pos, tambang dan alat tulis.

Jawapan : RM55

Soalan 6

Kedai Batubatu menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Kedai Batubatu memperuntukkan RM250 sebagai dana runcit. Pada 1 Julai 2020, baki tunai runcitnya ialah RM15.

Berikut adalah urus niaga Kedai Batubatu bagi bulan Julai 2020.

2020		RM
Julai 1	Terima cek daripada ketua juruwang	?
4	Beli minuman mesyuarat	25
11	Beli kertas A4	70
13	Beli rak kedai	350
14	Beli kartrij pencetak	45
22	Beli fail dan pen	44
29	Bayar sewa kedai	500

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai dengan lajur alat tulis dan belanja pejabat sebagai lajur analisis. Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2020.

Jawapan : RM66

PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN

**Disediakan oleh : Cikgu Goh Siew Khim
SMK Mersing, Mersing**



**Disemak oleh : Cikgu Shahida Binti Shahr
SMK Seri Bali, Segamat**

PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN

PELARASAN AKAUN

Asas Tunai	Asas Akruan
Hasil direkod apabila tunai diterima	Melibatkan pemadanan hasil dan belanja
Belanja direkod apabila tunai dibayar	Hasil sama ada tunai telah diterima atau belum diterima dikira sebagai hasil
Untung = hasil diterima – belanja dibayar	Belanja sama ada tunai telah dibayar atau belum dibayar dikira sebagai belanja
Tidak memadankan hasil sebenar dengan belanja sebenar dalam tempoh perakaunan	Jumlah belanja dipadankan dengan jumlah hasil dalam suatu tempoh perakaunan
Tidak selaras dengan garis panduan prinsip perakaunan diterima umum	Mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum

BELUM BAYAR DAN PRABAYAR



Belanja Belum Bayar ialah belanja yang telah dibuat dalam sesuatu tempoh perakaunan, tetapi belum dibayar.

Belanja Belum Bayar ditambahkan kepada belanja yang telah dibayar supaya jumlah belanja yang sebenar dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Belanja Prabayar

Belanja Prabayar ialah belanja yang dibuat untuk tempoh perakaunan yang akan datang tetapi bayarannya telah dijelaskan dalam tempoh perakaunan semasa.

Belanja Prabayar ditolak daripada belanja yang telah dibayar supaya jumlah belanja sebenar dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Hasil Belum Terima

Hasil Belum Terima ialah hasil yang diperoleh untuk sesuatu tempoh perakaunan tetapi wang tunai belum diterima. Pada 31 Disember 2019, faedah sebanyak RM1 800 telah diterima dalam bentuk tunai. Pada tarikh itu didapati sebanyak RM300 faedah yang masih belum diterima.

Akaun Faedah diterima					
2019		RM	2019		RM
Dis 31	Untung Rugi	2 100	Dis 31	Tunai	1 900
				Baki h/b /	300
				Faedah Belum Terima	
		<u>2 100</u>			<u>2 100</u>
2020					
Jan 1	Baki b/b /	300			
	Faedah Belum Terima				

Akaun Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

+ Hasil		
Faedah diterima	2 100	

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019

Aset Semasa		
Faedah belum terima	300	



Hasil Belum Terperoleh

Hasil yang diperoleh untuk tempoh perakaunan yang akan datang tetapi wang telah diterima dalam tempoh perakaunan semasa.

Contoh

Puan Ruhaida menyewakan premisnya kepada En Ahmad pada 1 Mac 2019 berjumlah RM3 000 setiap 3 bulan. Dia menerima cek pada 1 Mac, 1 Jun, 1 Sept dan 1 Dis. Tahun kewangan akan berakhir pada 31 Dis 2019.

Akaun Sewa Diterima					
2019			2019		
		RM			RM
Dis 31	Untung Rugi	10 000	Mac 1	Bank	3 000
	Baki h/b	2 000	Jun 1	Bank	3 000
			Sept 1	Bank	3 000
			Dis 1	Bank	3 000
		<u>12 000</u>			<u>12 000</u>
			2020		
			Jan 1	Baki b/b	2 000

Ak Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31.12.2019	
+ Hasil Sewa	10 000

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31.12.2019	
	Liabiliti Semasa
	Sewa Belum Terperoleh
	2 000

Hutang Lapuk

Hutang lapuk ialah hutang yang pasti tidak dapat dikutip, ini kerana seseorang pelanggan itu bankrup (mufli), meninggal dunia / tidak dapat dikesan.

Debit Akaun Hutang Lapuk
Kredit Akaun Akaun Belum Terima

Apabila Hutang Lapuk dihapuskan

Debit Akaun Untung Rugi
Kredit Akaun Hutang Lapuk

Pemindahan Hutang Lapuk ke Akaun Untung Rugi

Hutang Lapuk Terpulih

Seorang pelanggan yang hutangnya telah dihapuskan sebagai hutang lapuk tiba-tiba datang membayar balik hutangnya dianggap sebagai hutang lapuk terpulih.

Peruntukan Hutang Ragu

merupakan satu anggaran peruntukan hutang yang tidak dapat dikutip daripada pelanggan. Ia dianggap sebagai satu kerugian perniagaan.

$$\text{PHR} = \% (\text{Akaun Belum Terima} - \text{hutang lapuk}) = \% (\text{Akaun Belum Terima Bersih})$$

Cara merekod PHR

Kes wujud PHR (kali pertama)

Debit AUR & Kredit PHR

Kes pertambahan PHR

Debit AUR & Kredit PHR

Kes pengurangan PHR

Debit PHR & Kredit AUR

Susut Nilai

Sebab-sebab

haus dan keusangan

berteknologi lama

susutan

peredaran masa

KAEDAH 1

Langkah 1 : susut nilai yang dikenakan tahun ini

Debit : Akaun Susut nilai
Kredit : Akaun Susut nila terkumpul

Cara Merekod

Langkah 2 : memindahkan susut nilai ke Akaun Untung Rugi

Debit : Akaun Untung Rugi
Kredit : Akaun Susut nilai

KAEDAH 2

Debit : Akaun Untung Rugi
Kredit : Akaun Susut nilai terkumpul

Akaun Susutnilai tidak perlu disediakan.



Latihan

PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN

Soalan 1

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Syarikat Wawasan.

	1 Januari 2019	31 Disember 2019	
	RM	RM	
Insurans Prabayar	-	120	
Komisen Belum Terima	240	480	
Sewa Belum Bayar	500	600	

Buku Tunai (petikan)			
2019	RM	2019	RM
Dis 31 Komisen	1 200	Dis 31 Insurans	1 440
		Sewa	28 400

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Insurans
- (b) Akaun Komisen
- (c) Akaun Sewa

*Jawapan: (a) Pindah ke UR RM1 320 (b) Pindah ke UR RM1 440
(c) Pindah ke UR RM28 500*

Soalan 2

Kedai Serbanika Jerry telah menetapkan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% dari Akaun Belum Terima. Berikut ialah maklumat Akaun Belum Terima dari bukunya.

Tahun	Baki Akaun Belum Terima
	RM
2017	4 000
2018	3 000
2019	7 000

Sediakan Akaun Peruntukan hutang ragu untuk tahun 2017 2018 dan 2019:

Jawapan: Pindah ke UR RM200 (kt) / UR RM50 (dt) / UR RM200 (kt)

Soalan 3

Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku perniagaan Covid Enterprise.

Covid Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 (petikan)			
	RM	RM	RM
<u>Aset Semasa</u>			
Akaun Belum Terima	68 000		
Tolak: Peruntukan hutang ragu	1 360	66 640	
Insurans Prabayar	<u> </u>	500	67 140
<u>Liabiliti Semasa</u>			
Sewa Belum Terperoleh			1 000

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

- (i) Pada 31 Disember 2019, baki Akaun Belum Terima adalah RM45 000. Seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis. Hutangnya sebanyak RM1 200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (iii) Insurans tahunan adalah RM4 200. Insurans yang telah dibayar RM3 000.
- (iv) Sewa yang telah diterima RM8 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Peruntukan hutang ragu
- (b) Akaun Insurans
- (c) Akaun Sewa diterima

*Jawapan: (a) Pindah ke UR RM484 (b) Pindah ke UR RM4 200
(c) Pindah ke UR RM9 000*

Soalan 4

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Rose pada 31 Disember 2019.

Imbangan Duga (petikan)		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Gaji	30 000	
Insurans	6 000	
Komisen		800
Akaun Belum Terima	10 000	
Peruntukan hutang ragu		600
Lengkapan (1 Januari 2019)	30 000	
Susut nilai terkumpul Lengkapan		3 000

Maklumat tambahan:

Pelarasan di bawah belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

- (i) Gaji belum dijelaskan RM600.
- (ii) Insurans dibayar adalah untuk tempoh 1 September 2019 hingga 31 Ogos 2020.
- (iii) Komisen masih belum diterima RM300.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Lengkapan disusut nilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Gaji
- (b) Akaun Insurans
- (c) Akaun Komisen Diterima
- (d) Akaun Peruntukan hutang ragu
- (e) Akaun Susut nilai terkumpul lengkapan

*Jawapan: (a) Pindah ke UR RM30 600 (b) Pindah ke UR RM1 100
(c) Pindah ke UR RM200 (d) Baki h/b RM5 700*

Soalan 5

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Connie pada 31 Disember 2019.

Buku Tunai (petikan)	
	RM
Gaji	26 000
Sewa	4 400

Imbangan Duga (petikan)		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	5 000	
Peruntukan hutang ragu		400
Lengkapan (1 Januari 2019)	12 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		2 280

Maklumat tambahan :

Pelarasan di bawah belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

- (i) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% daripada Akaun Belum Terima.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, Connie membawa masuk lengkapan bernilai RM2 800 sebagai modal tambahan.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Gaji Belum Bayar RM400.
- (v) Sewa belum dijelaskan RM300.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Gaji
- (b) Akaun Sewa
- (c) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (d) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan.

*Jawapan: (a) Pindah ke UR RM30 000 (b) Pindah ke UR RM4 700
(c) Pindah ke UR RM150 (d) Baki h/b RM3 252*

Soalan 6

Baki-baki berikut didapati daripada buku perniagaan Kedai Alatan Sukan Sukarela.

	2018	2019
	RM	RM
Kenderaan (Harga Kos)	100 000	100 000
Akaun Belum Terima	15 000	40 000
Akaun Belum Bayar	55 000	66 000
Peruntukan hutang ragu	3 750	?
Susut nilai terkumpul kenderaan	12 500	?
Insurans Prabayar	1200	500
Komisen Belum Terima	1 500	-
Komisen Belum Terperoleh	-	800

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

- (i) Insurans yang telah dibayar ialah RM6 000.
- (ii) Komisen Diterima sepanjang tahun adalah RM5 200.
- (iii) Seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM500 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 8% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun menggunakan kaedah ansuran tetap.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Insurans
- (b) Akaun Komisen Diterima
- (c) Akaun Susut nilai terkumpul kenderaan
- (d) Akaun Peruntukan hutang ragu

*Jawapan: (a) Pindah ke UR RM6 700 (b) Pindah ke UR RM2 900
(c) Baki h/b RM22 500 (d) Pindah ke UR RM590*

PELUPUSAN ASET BUKAN SEMASA

Soalan 1

Syarikat Azam Sdn. Bhd. beroperasi di Batu Pahat, Johor. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan lengkapan milik syarikat tersebut pada 1 Januari 2019.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Lengkapan	30 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		3 000

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, lengkapan dijual pada harga RM17 500. Cek diterima dan dibankkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Lengkapan
- (b) Akaun Susut nilai terkumpul lengkapan
- (c) Akaun Pelupusan Lengkapan

*Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Lengkapan RM30 000
(b) Pindah ke Pelupusan Lengkapan RM5 700
(c) Rugi Pelupusan RM6 800*

Soalan 2

Jadual berikut menunjukkan aset bukan semasa yang dibeli oleh Syarikat Berjaya secara kredit daripada Bahagia Enterprise.

Tarikh	Aset Bukan Semasa	Kos (RM)
1 Januari 2018	Mesin A	75 000
31 Disember 2019	Mesin B	90 000

Maklumat tambahan :

- (i) Kadar susutnilai ditetapkan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, mesin A telah dijual dengan harga RM47 250.
- (iii) Tahun kewangan Syarikat Berjaya berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berikut pada tahun **2019**.

- (a) Akaun Mesin.
- (b) Akaun Susut nilai terkumpul mesin.
- (c) Akaun Pelupusan Mesin.

*Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Mesin RM75 000
(b) Pindah ke Pelupusan Mesin RM27 000
(c) Rugi Pelupusan RM750*

Soalan 3

Syarikat Idaman beroperasi di Batu Pahat, Johor. Petikan Imbangan Duga yang berikut adalah berkaitan dengan alatan pejabat milik syarikat tersebut.

Imbangan Duga Pada 31 Disember 2019		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan Pejabat	30 000	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		10 800

Maklumat tambahan:

Alatan Pejabat disusut nilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Pada 31 Disember 2019, Alatan Pejabat dijual pada harga RM17 500. Cek diterima dan dibankkan

Tahun kewangan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

Akaun Alatan Pejabat

Akaun Susut nilai terkumpul Alatan Pejabat

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat

Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Alatan Pejabat RM30 000

(b) Pindah ke Pelupusan Alatan Pejabat RM14 640

(c) Untung Pelupusan RM2 140

Soalan 4

Jadual berikut menunjukkan aset bukan semasa yang dibeli secara kredit daripada Marine Motor Sdn. Bhd.

Tarikh	Aset Bukan Semasa	Kos (RM)
1 Julai 2017	Kenderaan X	100 000
31 Disember 2019	Kenderaan Y	120 000

Maklumat tambahan :

- (i) Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Kenderaan X telah dijual dan cek bernilai RM70 500 diterima pada 31 Disember 2019.
- (iii) Tahun kewangan Kilang Biskut London berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berikut pada tahun 2019.

- (a) Akaun Kenderaan
- (b) Akaun Susut nilai terkumpul kenderaan
- (c) Akaun Pelupusan Kenderaan

Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Kenderaan RM100 000

(b) Pindah ke Pelupusan Kenderaan RM23 050

(c) Rugi Pelupusan RM6 450

Soalan 5

Urus niaga berikut diambil daripada buku Perniagaan Kikisan.

- | | |
|----------------|--|
| 1 Julai 2018 | Beli perabot berharga RM14 000 dengan cek |
| 1 Januari 2019 | Beli perabot berharga RM25 000 secara kredit daripada Syarikat Permata Indah |

Maklumat Tambahan :

- (i) Syarikat telah menetapkan semua perabot disusut nilaikan 10% setahun atas kos.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, perabot yang dibeli pada tahun 2018 telah dijual dengan harga RM10 500. Cek diterima dan dibankkan.
- (iii) Tahun kewangan Perniagaan Kikisan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perabot (tahun 2018 dan 2019)
- (b) Akaun Susut nilai terkumpul perabot (tahun 2018 dan 2019)
- (c) Akaun Pelupusan Perabot (tahun 2019)

*Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Perabot RM14 000
(b) Pindah ke Pelupusan Perabot RM21 000
(c) Rugi Pelupusan RM1 400*

Soalan 6

Syarikat Owen Bhd ialah sebuah syarikat yang beroperasi di Mersing. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan komputer yang dimiliki oleh syarikat tersebut.

Model Komputer	Kos (RM)	Tarikh Belian
Acer	RM6 000	1 Julai 2019
Asus	RM9 000	30 September 2020

- (i) Syarikat telah menetapkan semua komputer disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Komputer Acer telah dibeli secara kredit daripada Eng Hong dengan bayaran 50% wang pendahuluan dengan cek. manakala Komputer Asus telah dibeli secara kredit daripada Cinta Technology.
- (iii) Pada 30 Jun 2020, Komputer Acer telah dijual dengan harga RM4 000 dengan cek.
- (iv) Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alatan Pejabat (tahun 2019 dan 2020)
- (b) Akaun Susut nilai terkumpul alatan pejabat (tahun 2019 dan 2020)
- (c) Akaun Pelupusan Alatan Pejabat (tahun 2020)

*Jawapan: (a) Pindah ke Pelupusan Alatan Pejabat RM6 000
(b) Pindah ke Pelupusan Alatan Pejabat RM585
(c) Rugi Pelupusan RM1 415*

Penyata Kewangan Milikan Tunggal

**Disediakan oleh : Cikgu Iswani Bt Mohd Sanip
SMK Seri Pinang, Kulai**

**Disemak oleh : Cikgu Mohd Hamzah Bin Hassan
SMK Seri Perhentian, Pontian**

PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

FORMULA

Untung Kasar = Jualan Bersih – Kos Jualan

Kos Jualan = Inventori Awal + Kos Belian – Inventori Akhir

Kos barang untuk dijual = Inventori awal + kos belian

Kos belian = belian bersih + belanja belian

Format T

	Nama Syarikat					
	Akaun Perdagangan			dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir		
	RM	RM	RM		RM	RM
Inventori awal			X	Jualan		X
Belian	X			Tolak Pulangan jualan		X
Tolak Pulangan Belian	X			Jualan Bersih		X
Belian Bersih		X				
Angkutan masuk		X				
Upah		X				
Duti import		X				
Insurans belian		X				
Kos Belian			X			
Kos barang untuk dijual			X			
Tolak Inventori akhir			X			
Kos jualan			X			
Untung Kasar			X			
			XX			XX
Gaji			X	Untung kasar		X
Iklan			X	Komisen diterima		X
Angkutan keluar			X	Faedah diterima		X
Kadar Bayaran			X	Sewa diterima		X
Insurans			X	Hutang lapuk terpulih		X
Diskaun diberi			X	Diskaun diterima		X
Komisen jurujual/jualan			X	(Pengurangan peruntukan hutang ragu)		X
Belanja am			X			X
Sewa dibayar			X			
Belanja membaiki			X			
Alat tulis			X			
Cukai pintu			X			
Faedah dibayar			X			
Diskaun diberi			X			
Hutang lapuk			X			
Belanja hutang ragu			X			
Belanja pos			X			
Caj bank			X			
Belanja susut nilai:						
Kenderaan			X			
Perabot			X			
Untung Bersih			X	(atau Rugi Bersih)		
			XX			XX

Nama Syarikat Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir _____			
	RM	RM	RM
Jualan		X	
<i>Tolak</i> Pulangan jualan		X	
Jualan Bersih			X
<i>Tolak</i> Kos Jualan:			
Inventori awal		X	
Belian	X		
<i>Tolak</i> Pulangan belian	X		
Belian bersih	X	X	
Angkutan masuk	X		
Duti import	X		
Insurans belian	X		
Upah atas belian	X		
Kos belian		X	
Kos barang untuk dijual		X	
<i>Tolak</i> Inventori akhir		X	
Kos jualan			X
Untung Kasar			X
<i>Campur</i> Hasil:			
Komisen diterima		X	
Faedah diterima		X	
Diskaun diterima		X	
Sewa diterima		X	
Hutang lapuk terpulih (Pengurangan peruntukan hutang ragu)		X	
			X
			X
<i>Tolak</i> Belanja :			
Gaji		X	
Iklan		X	
Angkutan keluar		X	
Kadar Bayaran		X	
Insurans		X	
Belanja am		X	
Komisen jurujual/jualan		X	
Sewa dibayar		X	
Diskaun diberi		X	
Belanja membaiki		X	
Alat tulis		X	
Cukai pintu		X	
Faedah dibayar		X	
Diskaun diberi		X	
Hutang lapuk		X	
Belanja hutang ragu		X	
Belanja pos		X	
Caj bank		X	
Belanja susut nilai:			
Kenderaan		X	
Perabot		X	
			X
Untung Bersih (atau Rugi Bersih)			X

Penyata Kedudukan Kewangan

Format Penyata

Nama Syarikat			
Penyata Kedudukan Kewangan Pada _____			
	RM Kos	RM SNT	RM Nilai Buku
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Tanah	X	X	X
Premis	X	X	X
Loji dan mesin	X	X	X
Kenderaan	X	X	X
Lengkapan danengkapan	X	X	X
Alatan Pejabat	X	X	X
Perabot	X	X	X
			XXX
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori akhir		X	
Akaun Belum Terima	X		
Tolak Peruntukan hutang ragu	X		
		X	
Bank		X	
Tunai		X	
Belanja prabayar		X	
Hasil belum terima		X	
		X	
<u>Tolak Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar	X		
Overdraf bank	X		
Belanja belum bayar	X		
Hasil belum terperoleh	X		
		X	
Modal kerja			X
			XX
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal awal		X	
Campur Untung Bersih (atau Tolak Rugi Bersih)		X	
		X	
Tolak Ambilan		X	
Modal akhir			X
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman		X	
Gadai janji		X	
			X
			XX

Latihan

PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

Soalan 1

Puan Liyana ialah pemilik Arjuna Enterprise yang menjalankan perniagaan alat tulis Nerus. Imbangan Duga perniagaan pada 31 Mac 2021 adalah seperti berikut.

Arjuna Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Mac 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	1 260	
Bank	8 290	
Pulangan	250	
Hutang lapuk	530	
Diskaun diberi	490	
Modal pada 1 April 2019		88 528
Premis	75 000	
Perabot	10 000	
Belian dan Jualan	65 230	99 700
Akaun Belum Terima	12 600	
Komisen		195
Angkutan masuk	720	
Akaun Belum Bayar		11 872
Gaji	5 100	
Inventori pada 1 April 2019	9 165	
Insurans	960	
Kadar bayaran	1 050	
Sewa	10 400	
Susut nilai terkumpul perabot		750
	201 045	201045

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2021 bernilai RM13 640 pada harga pasaran dan RM11 630 pada harga kos
- (ii) Bil internet bulan Mac 2020 berjumlah RM200 masih belum di bayar
- (iii) Sewa yang di bayar termasuk sewa rumah kediaman RM800
- (iv) Insurans telah diperbaharui untuk tempoh setahun pada 1 Jun 2020
- (v) Perabot disusut nilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021.
- (c) Akaun insurans dan Akaun Kadar bayaran

Jawapan : Untung kasar 35965, untung bersih 17465, Modal kerja 21868, Modal akhir 105193

Soalan 2

Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Firma Inovatif Enterprise yang menjalankan perniagaan percetakan pada 31 Mac 2020.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2020		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 April 2019		161 005
Bank		5 790
Premis	87 000	
Kenderaan	60 500	
Mesin cetak	75 000	
Belian dan Jualan	62 390	95 285
Pulangan	375	460
Akaun Belum Terima	8 370	
Akaun Belum bayar		13 590
Inventori pada 1 April 2018	15 800	
Gaji	13 200	
Angkutan masuk	450	
Ambilan	1 500	
Kadar bayaran	3 730	
Insurans	2 640	
Hutang lapuk	320	
Komisen		3 315
Sewa diterima		8 800
Peruntukan hutang ragu		250
Susut nilai terkumpul		
Kenderaan		21 780
Mesin cetak		21 000
	<hr/>	<hr/>
	33 1275	33 1275

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2020 dinilai RM28 200 pada harga kos dan RM29 700 pada harga pasaran
- (ii) Sebahagian premis disewakan dengan kadar RM9600 setahun
- (iii) Gaji pekerja RM1 200 sebulan
- (iv) Polisi insurans dibeli pada 1 Julai 2019 adalah untuk tempoh setahun
- (v) Seorang pelanggan yang berhutang telah meninggal dunia dan baki hutangnya RM370 dihapuskan
- (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan dengan 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih
- (vii) Angkutan keluar RM180 tersilap rekod dalam angkutan masuk

(viii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Aset	Kadar susut	Kaedah susut nilai
Kenderaan	20%	Baki berkurangan
Mesin cetak	-	Garis lurus Tempoh usia guna 10 tahun dengan nilai skrap RM5000

(ix) Dokumen berikut ditemui dan masih belum direkod dalam buku perakaunan

<p style="text-align: center;">MEMO</p> <p style="text-align: center;">FIRMA INOVATIF ENTERPRISE No 180 Jalan Bahagia Dataran Niaga 81900 Kota Tinggi, Johor</p> <p style="text-align: right;">Tarikh : 2 Mac 2020</p> <p>Peringatan : Pemilik mengambil barang niaga RM250 untuk kegunaan keluarga</p> <p style="text-align: right;">Suria Pengurus</p>
--

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020

Jawapan : Untung kasar 45360, Untung bersih 22401, Modal Kerja 16680, Modal akhir 181656

Soalan 3

Zamzam Enterprise ialah sebuah perniagaan yang menjual hasil-hasil laut yang beroperasi di Pontian, Johor. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada buku perniagaannya.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Ogos 2020		84050
Perabot	8500	
Susut nilai terkumpul perabot		1700
Kenderaan	55000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5500
Bank	31710	
Tunai	1000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	27470	13090
Belian dan jualan	24700	62200
Diskaun	330	560
Komisen		1700
Insurans	4400	
Inventori pada 1 Ogos 2020	16910	
Alat tulis	420	
Pulangan	1290	2230
Angkutan masuk	760	
Kadar bayaran	800	
Ambilan	1240	
Peruntukan hutang ragu		350
Hutang lapuk	600	
Sewa premis	4800	
Gaji	24000	
Pinjaman		33000
Faedah atas pinjaman	450	
	<u>204380</u>	<u>204380</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Julai 2021 bernilai seperti berikut:

Kad inventori	Harga kos RM	Harga pasaran RM
Ikan bilis halus	3450	3980
Ikan bilis mata biru	6720	5830
Ikan talang kering	2690	2430
Ikan kurau kering	1740	2110
Alat tulis	80	-

- (ii) Komisen belum diterima RM340
- (iii) Insurans prabayar RM600
- (iv) Seorang penghutang didapati telah mufliis dan hutangnya sebanyak RM570 dihapuskan sebagai hutang lapuk
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih
- (vi) Polisi susut nilai aset bukan semasa:

Aset bukan semasa	Kaedah pengiraan	Kadar susut nilai
Perabot	Atas kos	20% setahun
Kenderaan	Baki berkurangan	10% setahun

- (vii) Pemilik menggunakan 30% daripada jumlah keluasan premis perniagaan itu sebagai tempat kediamannya
- (viii) Perniagaan membuat pinjaman bernilai RM36 000 dan dikenakan faedah 3% setahun bermula 1 Mac 2021. Bayaran pinjaman adalah secara 60 bulan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021

Jawapan : Untung kasar 34220, Rugi bersih (4268), Modal Kerja 53252, Modal akhir 77102

Soalan 4

Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunan Farhan Enterprise di Batu Pahat pada 31 Ogos 2020. Hasil operasi perniagaan ialah jualan hawa dingin dan hasil servis hawa dingin.

Farhan Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020

	RM	RM
Modal 1 September 2019		365 500
Premis (Kos)	200 000	
Akaun Belum Terima	17 600	
Akaun Belum Bayar		16 390
Ambilan	1 250	
Kenderaan (harga kos pada 1 September 2017)	80 000	
Inventori 1 September 2019	6 500	
Bank	115 000	
Tunai	1 240	
Alat-alat Kecil 1 September 2019	200	
Belian Alat-alat kecil	400	
Kadar bayaran	2 830	
Belian dan jualan	166 520	206380
Peruntukan hutang ragu		220
Hasil servis hawa dingin		6 500
Promosi	1 320	
Susut nilai terkumpul kenderaan		16 000
Gaji	17 900	
Belanja am	230	
	610 990	610 990

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2020 dinilai RM28 200 pada harga kos.
- (ii) Bil air, elektrik dan telefon yang masih belum bayar berjumlah RM600
- (iii) Inventori Alat-alat Kecil dinilai RM100 pada 31 Ogos 2020
- (iv) Kerja-kerja servis RM500 yang akan dijalankan pada 10 Oktober 2020 telah diterima
- (v) Sebuah hawa dingin yang dijual dengan harga RM1 250 telah didermakan untuk kegunaan taska kanak-kanak cacat Melati belum direkod dalam mana-mana buku. Margin untung kasar hawa dingin ialah 20%.
- (vi) Peruntukan hutang ragu bertambah sebanyak RM132
- (vii) Kenderaan disusut nilai mengikut kaedah ansuran tetap mulai 1 September 2017

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020
- (c) Kira dan tafsirkan nisbah semasa pada 31 Ogos 2020

*Jawapan: Untung kasar 68560, Untung bersih 36048, modal kerja 144298,
modal akhir 400298, Nisbah semasa 9.25:1*

Soalan 5

Imbangan Duga Kedai Buku Happy pada 31 Mei 2020 adalah seperti berikut:

Kedai Buku Happy		
Imbangan Duga pada 31 Mei 2020		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		174 260
Belian	159 730	
Jualan		254 079
Lengkapan (Kos)	6 000	
Kenderaan (Kos)	37 800	
Premis (Kos)	120 000	
Ambilan	2 890	
Hutang lapuk	1 750	
Peruntukan Hutang Ragu		816
Akaun Belum Terima	57 025	
Akaun Belum Bayar		45 830
Angkutan masuk	3 780	
Insurans	3 600	
Simpanan tetap 4%	20 000	
Gaji	18 935	
Kadar bayaran	4 060	
Pulangan	2 200	
Susut nilai terkumpul kenderaan		13 860
Susut nilai terkumpulengkapan		600
Inventori pada 1 Jun 2020	47 290	
Sewa diterima		1 400
Membaiki premis	2 095	
Bank	3 690	
	<hr/>	<hr/>
	490 845	490 845

Maklumat tambahan pada 31 Mei 2020:

- (i) Inventori pada 31 Mei 2020 dinilai pada harga kos RM65 370 dan RM71 240 pada harga pasaran
- (ii) Angkutan keluar RM1 250 tersilap rekod dalam angkutan masuk
- (iii) Nota kredit yang dihantar kepada pelanggan sebanyak RM525 belum direkodkan
- (iv) Perniagaan menyewakan ruang niaga bermula 1 Januari 2020 dengan sewa bulanan RM200
- (v) Pemilik telah membaiki premis menggunakan simpanan peribadinya RM1 300. Perkara ini belum direkodkan
- (vi) Simpanan tetap telah dibuat pada 1 Mac 2020
- (vii) Ambilan alat tulis RM25 setiap bulan untuk kegunaan pejabat
- (viii) Insurans RM1 800 dibayar untuk setengah tahun berakhir 31 Ogos 2020
- (ix) Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada 2% atas Akaun Belum Terima
- (x) Susut nilai adalah seperti berikut :
 - Kenderaan - 20% mengikut kaedah garis lurus
 - Lengkapan -10% mengikut kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan Jurnal Am pembetulan kesilapan bagi malumat tambahan (ii)
(abaikan keterangan)
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2020
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020

Jawapan : Untung kasar 107474, untung bersih 67820, Modal Kerja 99250, Modal akhir 240490

Soalan 6

Berikut merupakan baki-baki akaun yang telah diperolehi daripada Kedai Coklat Hani yang beroperasi di Taman Dahlia, Johor Bahru

Imbangan Duga pada 31 Disember 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori 1 Januari 2021	29 800	
Belian dan Jualan	120 310	178 490
Sewa kedai	14 400	
Kadar bayaran	1 935	
Gaji pekerja	12 000	
Caruman KWSP	1 320	
Angkutan masuk	400	
Pulangan	550	280
Kelengkapan	60 000	
Susut nilai terkumpul kelengkapan		12 000
Pelaburan Syer Biasa (Media Utama Berhad)	52 500	
Kenderaan	30 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		10 000
Akaun Belum Terima	5 000	
Akaun Belum Bayar		14 900
Tunai	3 550	
Bank	24 425	
Peruntukan hutang ragu		350
Modal 1 Januari 2021		140 170
	<u>356 190</u>	<u>356 190</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori akhir pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Jenis coklat	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Coklat Nini	10 340	10 850
Golden Bar	8 960	8 670
La Riss	6 550	6 490

- (ii) Bil elektrik bagi bulan Disember 2021 sebanyak RM350 akan dibayar pada bulan Januari 2022.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diseleraskan sebanyak 2% atas Akaun Belum Terima
- (iv) Caruman KWSP untuk setahun adalah berjumlah RM2 760
- (v) Pada 31 Disember 2021 sebuah van telah dijual. Berikut adalah maklumat mengenai van tersebut.

	RM
Harga kos van	10 000
Susut nilai terkumpul van pada 1 Januari 2021	3 000
Harga jual van (terima cek)	8 000

(vi) Susut nilai aset dinilai seperti berikut:

Aset	Kaedah susut nilai	Peratus
Kelengkapan	Baki berkurangan	10%
Kenderaan	Garis lurus	10%

(viii) Pada 1 Julai 2021, perniagaan telah membuat pelaburan dengan membeli syer biasa daripada Media Utama Berhad sebanyak 35 000 unit bernilai RM1.50. Pada 31 Disember 2021, Media Utama Berhad telah mengisytiharkan pembayaran dividen akhir pada kadar 8 sen bagi setiap unit syer biasa.

Anda dikehendaki menyediakan


- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

Jawapan : Untung kasar 53210, Untung bersih 17615, Modal kerja 103585, Modal akhir 157785


Pembetulan Kesilapan

**Disediakan oleh : Cikgu Rashidah Bt Yunos
SMK Sri Kukup, Pontian**

**Disemak oleh : Tn Hj Norman Bin Naim
SMK Dato Syed Esa, Batu Pahat**



TIPS SPM:
Sub yang penting yang perlu diberi perhatian oleh pelajar:
-Jenis-jenis kesilapan tidak ketara
-pembetulan kesilapan tidak ketara dalam jurnal am.
-kesan kesilapan ke atas untung kasar dan untung bersih



Soalan 1

Berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Roney pada 31 Julai 2020

Perniagaan Roney				
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020				
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	Jumlah
<u>Aset Bukan Semasa</u>				
Kenderaan	95 000	19 000	76 000	76 000
Alatan Pejabat	16 500	3 135	13 365	<u>13 365</u>
				89 365
<u>Aset Semasa</u>				
Inventori Akhir			23 400	
Akaun Belum Terima		7 200		
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu		<u>144</u>	7 056	
Deposit Sewa			1 800	
Bank			21 000	
Tunai			950	
Tunai Runcit			<u>400</u>	
			54 606	
Tolak : <u>Liabiliti Semasa</u>				
Akaun Belum Bayar		13 840		
Utiliti Belum Bayar		<u>400</u>		
			<u>14 240</u>	
Modal Kerja				<u>40 366</u>
				<u>129 731</u>
<u>Ekuiti Pemilik</u>				
Modal Awal				72 375
Tambah : Untung Bersih				<u>58 416</u>
				130 791
Tolak : Ambilan				<u>1 060</u>
Modal Akhir				<u>129 731</u>

Selepas menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Roney pada 31 Julai 2020, kerani akaunnya mengesan beberapa kesilapan:

- i. Kedua-dua Akaun Jualan dan Akaun Pulangan Jualan terkurang rekod RM680
- ii. Angel Trading menjelas hutangnya RM600 telah dikreditkan ke akaun pembekal Adiel Trading
- iii. Sekeping cek tak laku bernilai RM1 200 tidak direkodkan di mana-mana buku

- iv. Lengkapan yang dibeli pada harga RM1 450 tersilap debit ke Akaun Belanja Membaiki Lengkapan
- v. Nota Kredit berjumlah RM415 yang diterima daripada Syarikat Kelly kerana pulangan barang terlupa direkodkan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan berkenaan (keterangan tidak diperlukan)
- (b) Penyata menghitung untung atau rugi bersih tahun semasa selepas mengambil kira pembetulan.
- (c) Menyediakan semula Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020

Jawapan: (b) untung bersih RM60 281, (c) Modal Kerja RM40 781, PKK RM131 596

Soalan 2

Smart Phone Bhd telah mengesan kesilapan-kesilapan yang berikut:

- (i) Pulangan jualan oleh Rachel Telco RM200 telah didebitkan dalam akaun Rachel Telco dan dikreditkan dalam Akaun Pulangan Jualan.
- (ii) Ambilan stok RM880 untuk tujuan promosi belum direkodkan dalam mana- mana buku.
- (iii) Sewa diterima dengan cek berjumlah RM185 tersilap rekod sebagai RM285 dalam kedua-dua akaun.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut dalam Jurnal Am (Keterangan tidak diperlukan)

Soalan 3

Kesilapan berikut ditemui oleh Mr Lee, seorang kerani akaun, Kedai Runcit Star.

- i. Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terlebih nilai RM120.
- ii. Belanja membaiki premis, berjumlah RM2 500 tersalah debit ke Akaun Premis
- iii. Pemilik membawa masuk perabot peribadi bernilai RM3 200 ke dalam perniagaan. Perkara ini terlupa direkod dalam mana-mana buku perakaunan.
- iv. Penerimaan cek bernilai RM800 daripada Perniagaan Selesa telah didebitkan ke Akaun Perniagaan Selesa dan dikreditkan ke buku Tunai.

Betulkan kesilapan tersebut melalui Jurnal Am. (Keterangan tidak diperlukan)

Soalan 4

Imbangan Duga di bawah telah disediakan oleh Perniagaan Saujana pada 31 Ogos 2020.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2020		
	RM	RM
Perabot	10 800	
Premis	52 000	
Inventori	5 900	
Tunai di bank	6 200	
Tunai di tangan	1 120	
Akaun Belum Terima	2 600	
Pulangan masuk	1 000	
Kadar bayaran	840	
Belanja am	940	
Belian	15 600	
Modal		64 500
Jualan		25 500
Akaun Belum Bayar		6 500
Pulangan keluar		500
	97 000	97 000

Walaupun imbangan duga di atas seimbang, tetapi terdapat beberapa kesilapan dikesan.

- (i) Pulangan belian RM140 kepada pembekal telah didebitkan ke dalam Akaun Pulangan Belian dan dikreditkan ke Akaun Belum Bayar.
- (ii) Pemilik terlupa merekodkan invois yang diterima daripada Pembekal Elize bernilai RM1 440 dalam mana-mana buku perakaunan.
- (iii) Kadar bayaran bernilai RM480 yang dibayar secara tunai telah tersilap catat sebagai RM840.
- (iv) Tunai sebanyak RM100 telah digunakan untuk membayar belanja peribadi, tetapi telah direkodkan sebagai belanja am.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut melalui Jurnal Am

Soalan 5

Berikut merupakan beberapa kesilapan yang ditemui dalam buku Perniagaan Manja

- (i) Alat tulis terlebih catat RM200 manakala belanja am terkurang catat dengan jumlah yang sama.
- (ii) Invois kepada Kedai Zaman bernilai RM1 300 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Ambil barang niaga bernilai RM300 untuk kegunaan sendiri tersilap rekod sebagai ambilan tunai.
- (iv) Komisen diterima RM100 secara tunai tersalah didebitkan dalam Akaun Komisen diterima dan dikreditkan dalam Akaun Tunai.
- (v) Jualan barang kredit RM1 260 kepada seorang pelanggan telah direkodkan sebagai RM1 620.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut (keterangan tidak diperlukan)

Soalan 6

Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Chockey pada 30 September 2020

Imbangan Duga pada 30 September 2020		
	RM	RM
Kenderaan (Kos)	55 000	
Lengkapan (Kos)	11 500	
Belian dan Jualan	102 400	128 520
Hutang Lapuk Terpulih	640	
Sewa Diterima		14 400
Kadar Bayaran	3 900	
Pulangan Masuk		1 400
Akaun Belum Terima	30 600	
Akaun Belum Bayar		15 500
Gaji	34 250	
Faedah Overdraf	410	
Pulangan Keluar	1 240	
Inventori 1 Oktober 2019	25 420	
Bank (Overdraf)	5 020	
Ambilan		4 000
	270 380	163 820

- (a) Imbangan Duga tersebut tidak seimbang. Anda dikehendaki menyediakan semula Imbangan Duga berkenaan selepas mengenal pasti kesilapan dan ketinggalan butiran.

Jawapan : Imbangan Duga = 268 880


- (b) Setelah Imbangan Duga disediakan di (a), kesilapan berikut dikesan :
- (i) Belanja membaikiengkapan RM400 telah direkodkan dalam Akaun Lengkapan
 - (ii) Sewa yang telah diterima dengan tunai sebanyak RM567 telah direkodkan sebagai RM657
 - (iii) Cek bernilai RM1 300 yang diterima daripada seorang pelanggan untuk menjelaskan hutangnya telah dipulangkan oleh bank dan ditanda “Rujuk Penyuruh Bayar”
 - (iv) Jualan kredit barang niaga RM540 telah didebitkan dalam Akaun Jualan sebagai RM450 manakala ambilan barang niaga terlebih catat sebanyak RM120 di dalam Akaun Ambilan
 - (v) Nota Kredit RM620 daripada pembekal telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan dalam Akaun Belum Bayar

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut (keterangan tidak diperlukan)

Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan

**Disediakan oleh : Cikgu Iswani Bt Mohd Sanip
SMK Seri Pinang, Kulai**

**Disemak oleh : Cikgu Robiah Binti A.Majid
SMK Tun Perak, Muar**



NISBAH KEBERUNTUNGAN

	Nisbah	Rumus	Tafsiran
1	Peratus Untung Kasar Atas Kos Jualan (Tokokan)	$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$	Menghitung peratus pertambahan pada kos barang bagi mendapatkan harga jualan
2	Peratus Untung Kasar Atas Jualan (Margin Untung Kasar)	$= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100$	Menghitung peratus untung kasar bagi setiap ringgit jualan
3	Peratus Untung Bersih Atas Jualan (Margin Untung Bersih)	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100$	Menghitung peratus untung bersih bagi setiap ringgit jualan
4	Pulangan atas modal	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100$	Menghitung peratus untung bersih bagi setiap ringgit yang dilaburkan

NISBAH KECAIRAN

1	Nisbah Semasa	$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	Mengukur kemampuan perniagaan membayar hutang jangka pendek
2	Nisbah Ujian Asid	$= \frac{\text{Aset Semasa- Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	Mengukur kemampuan perniagaan membayar hutang jangka pendek dengan segera

NISBAH KECEKAPAN

1	Kadar Pusing Ganti Inventori	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$ $\text{Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori awal} + \text{inventori akhir}}{2}$	Menghitung berapa kali inventori ditukar ganti sepanjang tempoh perakaunan
	Kadar pusing Ganti Inventori (bilangan hari)	$= \frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365$	Menghitung kekerapan inventori ditukar ganti dalam bilangan hari
2	Tempoh Kutipan hutang	$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{365 \times \text{Jualan Kredit}}$	Menghitung tempoh purata perniagaan mengutip hutang daripada pelanggan
3	Tempoh pembayaran Hutang	$= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian kredit}} \times 365$	Menghitung tempoh purata perniagaan membayar hutang kepada pembekal

Latihan

ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN

Soalan 1

Berikut adalah Penyata Kewangan Syarikat Fazura Sdn Bhd bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021

	RM
Jualan	150 000
Tolak : Kos Jualan	105 000
Untung kasar	45 000
Tolak : Perbelanjaan	18 000
Untung bersih	27 000

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			315 000
Aset Semasa			
Inventori		240 000	
Akaun Belum Terima		120 000	
		360 000	
Liabiliti Semasa			
Bank	150 000		
Akaun Belum Bayar	100 000	250 000	
Modal kerja			110 000
			425 000
Ekuiti Pemilik			
Modal awal			408 000
Tambah : Untung bersih			27 000
			435 000
Tolak : Ambilan			10 000
Modal akhir			425 000

Maklumat daripada Syarikat Amin Sdn Bhd dalam industri yang sama adalah seperti berikut :

Peratus untung kasar atas jualan	35%
Peratus untung bersih atas jualan	15%
Nisbah semasa	1.5:1
Kadar pusing ganti inventori	6 kali
Pulangan atas modal	30%

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung nisbah berikut bagi Syarikat Fazura Sdn Bhd
 - (i) Peratus untung kasar atas jualan
 - (ii) Peratus untung bersih atas jualan
 - (iii) Pulangan atas modal
 - (iv) Nisbah semasa

- (b) Sekiranya anda ingin membuat pelaburan, syarikat manakah yang akan anda pilih?
Ber **satu** alasan.

- (c) Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam jangka masa pendek
Beri **satu** alasan.

Jawapan : 30%, 18%, 6,62%, 1.44:1

Soalan 2

Maklumat berikut diperolehi daripada dua buah firma yang menjalankan perniagaan peralatan sukan dan rekreasi pada 30 April 2021.

Pusat Sukan dan Rekreasi Aiman

	RM
Bank	6 800
Tunai	3 300
Inventori 1 Mei 2020	2 400
Inventori 30 April 2021	3 500
Akaun Belum Terima	6 100
Akaun Belum Bayar	4 000
Kenderaan	13 800
Perabot	4 800
Jualan bersih	40 100
Kos jualan	24 550
Modal 1 Mei 2020	33 800
Sewa belum bayar	450
Pelbagai belanja	3 500

Babaca Training & Equipment

Kadar pusing ganti inventori	9 kali
Nisbah semasa	2 : 1
Pulangan atas modal	37%

Anda dikehendaki :

- (i) Menghitung nisbah berikut bagi Pusat Sukan dan Rekreasi Aiman (Beri jawapan pada dua tempat perpuluhan)
 - (a) Kadar pusing ganti inventori
 - (b) Peratus untung kasar atas jualan
 - (c) Nisbah semasa
 - (d) Pulangan atas modal
- (ii) Sekiranya anda ingin membuat pelaburan, perniagaan manakah yang anda akan pilih ? Beri satu alasan.

Jawapan: 8.32 kali, 38.78%, 4.43 :1, 35.65%

Soalan 3

Encik Aiman Imran merupakan Pengarah Urusan bagi Syarikat Mumtaz Hati Sdn Bhd. Beliau mendapati baki tunai di bank mengalami kemerosotan sedangkan keuntungan yang diperoleh pada tahun 2021 hampir sama dengan tahun 2020. Berikut maklumat yang diambil daripada Penyata Kewangan perniagaan beliau.

	31 Julai 2020	31 Julai 2021
	RM	RM
	'000	'000
Jualan bersih	4 750	4 540
Kos jualan	2 470	2 340
Untung kasar	2 280	2 200
Jumlah perbelanjaan	1 750	1 694
Untung bersih	530	506
Kenderaan	580	570
Bangunan	654	644
Inventori akhir	876	532
Akaun Belum Terima	1 185	754
Bank	-	315
Akaun Belum Bayar	501	1 032
Overdraf bank	621	-
Modal awal	1 644	1277

Anda dikehendaki :

- (i) Mengira nisbah bagi tahun 2020 dan 2021. (jawapan kepada dua titik perpuluhan)
 - (a) Tokokan
 - (b) Pulangan atas modal
 - (c) Nisbah semasa
 - (d) Nisbah ujian asid
- (ii) Mengira kadar pusing ganti inventori bagi tahun 2021.
- (iii) Berdasarkan jawapan (ii) cadangkan cara untuk meningkatkan keuntungan perniagaan

*Jawapan (2020: 92.31%, 32.24%, 1.84:1, 1.06:1)
(2020: 94.02%, 39.62%, 1.55:1, 1.04:1), 3.32 kali*

Soalan 4

Maklumat berikut dipetik daripada rekod dua buah perniagaan yang menjual alatan sukan bagi tahun berakhir 31 Mac 2021

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021

	Aktif Sdn Bhd.		Cergas Sdn Bhd	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		237 420		210 356
Tolak : Kos Jualan				
Inventori awal	34 560		38 250	
Tambah : Belian	187 235		154 794	
	221 795		193 044	
Tolak : Inventori akhir	41 524		39 120	
Kos Jualan		180 271		153 924
Untung kasar		57 149		56 432
Tolak : Belanja		32 454		28 204
Untung bersih		24 695		28 228

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021

	Aktif Sdn Bhd.	Cergas Sdn Bhd	Aktif Sdn Bhd.	Cergas Sdn Bhd
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Premis	68 000		60 900	
Perabot	6 720		5 840	
		74 720		66 740
Aset Semasa				
Inventori akhir	41 524		39 120	
Akaun Belum Terima	17 230		15 570	
Bank	8 960		7 830	
	67 714		62 520	
Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	12 586		10 485	
Modal Kerja		55 128		52 035
		129 848		118 775
Ekuiti Pemilik				
Modal awal		85 153		90 547
Tambah : Untung bersih		24 695		28 228
		109 848		118 775
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman		20 000		-
		129 848		118 775

Maklumat tambahan

	Aktif Sdn Bhd	Cergas Sdn Bhd
Jualan kredit	RM120 500	RM98 230
Belian kredit	RM113 600	RM90 140

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung nisbah berikut bagi kedua-dua perniagaan
(beri jawapan pada 2 tempat perpuluhan)
 - (a) Pulangan atas modal
 - (b) Kadar pusing ganti inventori
 - (c) Nisbah ujian asid
 - (d) Tempoh kutipan hutang
- (ii) Nyatakan perniagaan yang menguruskan inventori dengan lebih baik.
Beri satu alasan
- (iii) Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih stabil?
Beri satu alasan .

Jawapan :Aktif Sdn Bhd 29%, 4.74 kali, 2.08:1,52.19 hari

Cergas Sdn Bhd : 31.17%, 3.98 kali,2.23:1, 57.85 hari

Soalan 5

Encik Ali seorang pembekal peralatan pejabat telah mendapat permohonan daripada Syarikat Empayar Ali Sdn Bhd dan Syarikat Cemerlang Sdn Bhd untuk pembelian secara kredit. Beliau telah menilai prestasi dan kedudukan kewangan kedua-dua firma.

Berikut adalah kedudukan kewangan yang diperoleh daripada Empayar Ali Sdn Bhd

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021

	RM		RM
Perabot	24 200	Modal	79 000
Premis	70 000	Untung bersih	23 200
Inventori akhir	20 000	Pinjaman bank	22 000
Akaun Belum Terima	25 000	Akaun Belum Bayar	20 000
Bank	13 500		
Sewa prabayar	1 500		
	<u>154 200</u>		<u>154 200</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Jumlah jualan ialah RM192 000
Jumlah belian ialah RM90 000
40% dari jualan dan belian adalah secara kredit
- (ii) Inventori pada 1 April 2020 bernilai RM30 000

Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Cemerlang Sdn Bhd

Syarikat Cemerlang Sdn Bhd	
Nisbah semasa	3:1
Pulangan atas modal	25%
Kadar pusing ganti inventori	2 kali

Anda dikehendaki menghitung bagi Empayar Ali Sdn Bhd:

- (i) Nisbah semasa
- (ii) Pulangan atas modal
- (iii) Tempoh kutipan hutang
- (iv) Kadar pusing ganti inventori
- (v) Perniagaan manakah yang menunjukkan kemampuan membayar hutang yang lebih baik? Berikan alasan anda.

Jawapan : 2:1, 29.37%, 119 hari, 4 kali

Soalan 6

Maklumat di bawah ini diperolehi daripada dua buah kedai telefon mudah alih pada 31 Julai 2021.

Emmy Mobile Trading	
	RM
Jualan	35 000
Inventori 1 Ogos 2020	3 200
Inventori 31 Julai 2021	4 150
Belian	24 600
Duti atas belian	350
Gaji	4 000
Modal pada 1 Ogos 2020	40 000

Kelly E Telekomunikasi	
Pulangan atas modal	20%
Peratus untung bersih atas jualan	15%

Berdasarkan maklumat Emmy Mobile Trading, hitungkan :

- (i) Kos Jualan
- (ii) Margin untung kasar
- (iii) Peratus untung bersih atas jualan
- (iv) Pulangan atas modal
- (v) Kedai manakah yang lebih baik prestasinya ?
Berikan alasan anda.

Jawapan: 24 000, 31.43%, 20%, 17.50%

Rekod Tak Lengkap (kaedah perbandingan)

**Disediakan oleh : Cikgu Goh Siew Khim
SMK Mersing, Mersing**

**Disemak oleh : Cikgu Wanti Bt Masrom
SMK Sri Kota Puteri, Pasir Gudang**

REKOD TAK LENGKAP

Apakah Rekod Tak Lengkap?

- Tidak mengamalkan catatan bergu
- Setiap urus niaga dicatatkan hanya satu kali sahaja.

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- ✓ Tidak mengetahui sistem catatan bergu
- ✓ Kehilangan dan kemusnahan rekod-rekod perakaunan oleh sesuatu bencana.
- ✓ Dokumen sumber tidak disimpan.

Apakah kelemahan sistem catatan tunggal?

- ✚ Tidak dapat menyediakan
 - (a) Imbangan Duga
 - (b) Penyata Kewangan

Kaedah Analisis

REKOD TAK LENGKAP
KAEDAH MENENTUKAN
UNTUNG RUGI

1. Analisis Buku Tunai:
 - I. Jualan Tunai
 - II. Belian tunai
 - III. Hasil dan perbelanjaan
2. Analisis Akaun Kawalan Belum Terima Jualan Kredit
3. Analisis Akaun Kawalan Belum Bayar Belian Kredit
 -
4. Akaun Belanja
 - Belanja sepatut dibayar
5. Akaun Hasil
 - Hasil sepatut diterima

Kaedah perbandingan


Membandingkan Modal akhir dengan Modal awal

Formula:

Untung bersih= Modal Akhir+ Ambilan - Modal Awal -Modal Tambahan
Modal = Jumlah Aset-Jumlah Liabiliti

(a) Kaedah Perbandingan (Cara Penyata)

Nama Perniagaan
Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019



REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH PERBANDINGAN)

Soalan 1

Pn. Suhaila, seorang peruncit, tidak menyimpan akaun yang lengkap bagi perniagaannya. Aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut :

	1 Mac 2018	28 Februari 2019
	RM	RM
Premis	75 000	75 000
Tunai	1 190	2 330
Bank	10 270	24 800
Lengkapan	9 200	?
Akaun Belum Terima	12 800	15 600
Akaun Belum Bayar	8 660	8 230
Komisen Belum Terima	650	720
Insurans Prabayar	-	140
Inventori	28 120	30 200
Gaji Belum Bayar	500	600
Kadar bayaran Belum Bayar	-	440
Modal	128 070	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pemilik mengambil barang niaga RM250 setiap bulan untuk diberikan kepada ibunya.
- (ii) Pada 1 Januari 2019, Pn. Suhaila telah membeliengkapan bernilai RM1 700 untuk kegunaan perniagaan dengan menggunakan wang simpanannya sendiri. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Susut nilai bagi premis yang dibeli pada 1 Mac 2018 telah ditetapkan pada kadar 5% setahun
- (iv) Pn. Suhaila telah menganggarkan sebanyak 5% daripada jumlah Akaun Belum Terima mungkin tidak akan dapat dikutip
- (v) Inventori akhir telah terlebih nilai sebanyak RM560

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 28 Februari 2018.
- (b) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2018.

Jawapan: a. Modal Akhir RM145 330 b.UB RM18 560

Soalan 2

Encik Farid memulakan perniagaan pada 1 April 2019 dengan modal di bank berjumlah RM50000. Beliau tidak menyediakan rekod-rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 31 Mac 2020, beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Mac 2020.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Encik Farid.

(i) Senarai baki-baki seperti berikut:

	1 April 2019	31 Mac 2020
	RM	RM
Premis	80 000	?
Kenderaan (kos)	25 000	25 000
Akaun Belum Terima	14 590	21 570
Inventori	21 454	28 100
Insurans Prabayar	120	230
Bank	8 645	7 105
Akaun Belum Bayar	5 905	6 990
Kadar bayaran Belum Bayar	150	180

(ii) Encik Farid menggunakan wang simpanannya sendiri untuk membuat ubahsuai premis perniagaannya berjumlah RM20 000.

(iii) Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.

(iv) Muthu seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya yang berjumlah RM370 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

(v) Encik Farid telah membuat ambilan dari bank RM1 500 dan barang niaga RM100 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya sendiri.

Anda dikehendaki:

(a) Menghitung Modal Akhir pada 31 Mac 2020.

(b) Menyediakan Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020.

Jawapan: a. Modal Akhir RM171 965 b. UB RM10 911

Soalan 3

Pada 1 Mac 2019, Encik Anzar memulakan perniagaan dengan modal sebanyak RM50 000. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan dengan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 28 Februari 2020, Kedudukan Kewangan perniagaan adalah seperti berikut:

	RM
Alatan Pejabat	27 000
Akaun Belum Bayar	5 400
Bank	12 000
Sewa Belum Bayar	3 600
Lengkapan	12 500
Kenderaan	44 000
Inventori	5 700
Akaun Belum Terima	3 800
Pinjaman	20 000

Maklumat Tambahan:

- i. Sekeping nota kredit daripada pembekal sebanyak RM350 ditemui dan perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- ii. Encik Anzar menjual sebahagian harta peribadinya dengan harga RM15 000 dan wang itu dimasukkan ke dalam perniagaan.
- iii. Encik Anzar mengambil barang niaga bernilai RM200 sebulan dan perkara ini terlupa rekod.
- iv. Kenderaan dibeli pada 26 November 2019 dan disusutnilai 10 % atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 28 Februari 2020.
- (b) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2020.

Jawapan: a. Modal Akhir RM75 250 b. UB RM12 650

Soalan 4

Encik Hafiz pemilik Perniagaan Kamil di Besut menyimpan rekod perakaunannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki - baki aset dan liabiliti perniagaannya:

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Kenderaan (kos)	30 000	30 000
Lengkapan	20 500	28 000
Bank	8 400	(1 350)
Akaun Belum Bayar	10 870	12 700
Inventori	14 600	22 220
Kadar bayaran Belum Bayar	375	260
Akaun Belum Terima	5 340	7 280
Tunai	1 250	950
Insurans Prabayar	-	300
Komisen Belum Terima	1 200	-
Susut nilai terkumpul kenderaan	3 000	?

Maklumat tambahan:

- (i) Sepanjang tahun kewangan, Encik Hafiz mengambil wang tunai RM325 setiap bulan dan barang niaga berjumlah RM1 015 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan bernilai RM7 500 dibeli pada 31 Disember 2019 untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi Encik Hafiz. Susut nilai lengkapan adalah 10% mengikut kaedah garis lurus berdasarkan baki awal tahun.
- (iii) Susut nilai kenderaan adalah 10% setahun atas baki berkurangan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu ialah 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (v) Satu invois yang diterima daripada pembekal Kedai Wawasan bernilai RM1 385 telah dicatat sebagai RM1 835 belum dibuat pelarasan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Menghitung Modal pada 30 Jun 2020.
- (b) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.

Jawapan a. Modal Akhir RM66 776 b. Rugi Bersih (RM420)

Soalan 5

Puan Asiah memulakan perniagaan ASIAH Fresh Market pada 1 Januari 2019 di Batu Pahat. Rekod perniagaannya disimpan tanpa mengikut sistem catatan bergu. Baki di bawah ini diperolehi daripada buku catatannya:

	1 Januari 2019 RM	31 Disember 2019 RM
Kenderaan (kos)	-	27 000
Perabot (kos)	15 400	?
Akaun Belum Terima	12 500	14 580
Bank	9 800	(800)
Inventori	32 450	30 250
Komisen Belum Terima	230	-
Akaun Belum Bayar	11 860	13 960
Kadar bayaran Belum Bayar	420	-
Insurans Prabayar	-	300
Susut nilai terkumpul perabot	1 540	?
Modal Awal	56 560	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 April 2019, perabot yang bernilai RM3 000 dibawa masuk dari rumah pemilik untuk kegunaan perniagaan. Kadar susut nilai perabot setahun adalah 10% atas kos.
- (ii) Pemilik perniagaan membuat ambilan tunai RM400 setiap bulan dalam tahun kewangan itu.
- (iii) Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya bernilai RM400 dihapus kira sebagai hutang lapuk
- (iv) Invois yang diterima RM530 belum diambil kira dalam jumlah Akaun Belum Bayar
- (vi) Kenderaan perniagaan dibeli pada 1 Julai 2019. Kadar susut nilai kenderaan ialah 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Penyata Modal Akhir pada 31 Disember 2019.
- b. Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Jawapan a. Modal Akhir RM70 185 b. Untung Bersih RM15 425

Soalan 6

Pada 1 Julai 2019, Encik Alee memulakan perniagaan Sim Trading dengan modal yang terdiri seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	6 800
Premis	90 000
Lengkapan	3 700
Deposit Kadar bayaran	500

Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Pada 30 Jun 2020, maklumat berikut telah diperolehi daripada perniagaannya:

(i) Aset dan Liabiliti:

	RM
Premis	90 000
Deposit Kadar bayaran	500
Lengkapan	6 200
Tunai di bank	7 560
Simpanan tetap	5 000
Inventori	11 780
Akaun Belum Terima	6 540
Akaun Belum Bayar	3 602
Sewa Belum Terima	800
Kadar bayaran Belum Bayar	240

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 31 Disember 2019, Encik Alee membeli almari pameran RM2 500 untuk kegunaan kedai dengan menggunakan wang peribadi.
- (ii) Sepanjang tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2020, beliau telah mengambil barang niaga RM960 dan mengeluarkan cek perniagaan RM340 untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Pada 31 Mac 2020, Encik Alee telah dimaklumkan bahawa seorang Akaun Belum Terima telah muflis dan hutangnya berjumlah RM590 perlu dihapus kira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil sebarang tindakan.
- (iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM375 kerana tersalah jenama belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (v) Inventori pada 30 Jun 2020 telah berlaku kesilapan terlebih nilai sebanyak RM370 dan hendaklah diperbetulkan.
- (vi) Simpanan tetap sebanyak RM5 000 telah dibuat pada 1 Januari 2020 dengan kadar faedah 3% setahun. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Encik Alee bercadang membuat pelarasan bagi perkara berikut:
 - (a) Susut nilai 10% setahun ke atasengkapan
 - (b) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima bersih

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Modal Akhir pada 30 Jun 2020
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.
- (c) Akaun Modal

*Jawapan a. Modal Akhir RM123 289 b. Untung Bersih RM21 089
c. Baki h/b RM123 289*

Rekod Tak Lengkap (kaedah analisis)

**Disediakan oleh : Cikgu Goh Siew Khim
SMK Mersing, Mersing**

**Disemak oleh : Cikgu Suhazanzer Bin Suboh
SMK Tun Syed Nasir Ismail, JB**

REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH ANALISIS)

REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH ANALISIS)

Apakah Rekod Tak Lengkap?

- Tidak mengamalkan catatan bergu
- Setiap urus niaga dicatatkan hanya satu kali sahaja.



Mengapakah keadaan ini berlaku?

- ✓ Tidak mengetahui sistem catatan bergu
- ✓ Kehilangan dan kemusnahan rekod-rekod perakaunan oleh sesuatu bencana.
- ✓ Dokumen sumber tidak disimpan.



Apakah kelemahan sistem catatan tunggal?

- Tidak dapat menyediakan
 - (a) Imbangan Duga
 - (b) Penyata Kewangan

KAEDAH MENENTUKAN UNTUNG RUGI



1. Analisis Buku Tunai:
 - Jualan Tunai
 - Belian tunai
 - Hasil dan perbelanjaan
2. Analisis Akaun Kawalan Belum Terima
 - Jualan Kredit
3. Analisis Akaun Kawalan Belum Bayar
 - Belian Kredit
4. Akaun Belanja
 - Belanja sepatut dibayar
5. Akaun Hasil
 - Hasil sepatut diterima

FORMAT AKAUN YANG TERLIBAT

i) Analisis Akaun Belum Terima (mencari jualan kredit)

Akaun Kawalan Belum Terima (Lejar Jualan)

20XX	RM	20XX	RM
Jan 1 Baki b/b	XX	Dis 31 Bank	XX
Dis 31 Jualan	XX *	Pulangan Jualan	XX
Faedah	XX	Diskaun Diberi	XX
Bank		Hutang Lapuk	XX
(Cek tak laku)		Kontra	XX
Diskaun Diberi	XX	Baki h/b	XX
(dibatalkan)			
Baki h/b			
	XXX		XXX
	=====		=====
Jan 1 Baki b/b	XX	Jan 1 Baki b/b	XX

***Angka jualan ialah angka pengimbang yang menunjukkan jualan kredit**

ii) Analisis Akaun Kawalan Belum Bayar (mencari belian kredit)

Akaun Kawalan Belum Bayar (Lejar Belian)

20XX	RM	20XX	RM
Dis 31 Bank	XX	Jan 1 Baki b/b	XX
Pulangan Belian	XX	Dis 31 Belian	XX*
Diskaun Diterima	XX	Angkutan Masuk	XX
Baki h/b	XX	Faedah	XX
		Baki h/b	XX
	XXX		XXX
	=====		=====

***Angka belian ialah angka pengimbang yang menunjukkan belian kredit**

iii) Analisis Belanja

Akaun Sewa

	RM		RM
Jan 1 Baki b/b (Prabayar awal)	XXX	Jan 1 Baki b/b (Belum Bayar awal)	XXX
Dis 31 Bank	XXX	Dis 31 Untung Rugi	XXX
Baki h/b		Baki h/b	
(Belum Bayar akhir)	XXX	(Prabayar akhir)	XXX
	XXX		XXX
	=====		=====

iv) Analisis Hasil

Akaun Faedah Diterima

		RM			RM
Jan 1	Baki b/b (Belum Terima awal)	XX	Jan 1	Baki b/b (Belum Terperoleh awal)	XX
Dis 31	Untung rugi	XX	Dis 31	Bank	XX
	Baki h/b (Belum Terperoleh akhir)	XX		Baki h/b (Belum Terima akhir)	XX
		<u>XXX</u>			<u>XXX</u>
		=====			=====

REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH ANALISIS)

Soalan 1

Encik Chris seorang peniaga runcit tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Julai 2018	30 Jun 2019
	RM	RM
Akaun Belum Terima	7 800	9 350
Akaun Belum Bayar	4 000	5 950
Kadar bayaran Belum Bayar	1 800	-
Kadar bayaran Prabayar	-	2 050
Bank	23 400	27 880
Tunai	700	660
Inventori	2 000	2 400
Pinjaman berkadar 8% setahun (matang pada 31 Disember 2019)	10 000	10 000
Perabot	12 000	10 800

Penerimaan dan pembayaran perniagaannya bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 adalah seperti berikut;

	Bank	Tunai
	RM	RM
Penerimaan:		
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	82 500	-
Jualan Tunai	-	?
Tunai di bank	3 000	-
Pembayaran:		
Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	62 000	-
Belian Tunai	-	400
Kadar bayaran	7 400	500
Ambilan	3 000	1 340
Kenderaan (dibeli pada 1 Julai 2018)	8 000	-
Tunai di bank	-	3 000
Faedah atas Pinjaman 8%	620	-

Maklumat tambahan:

- (i) Encik Chris telah memperuntukkan susut nilai van mengikut kaedah ansuran tetap. Tempoh usia guna van tersebut ialah 5 tahun dan nilai skrapnya ialah RM1 000
- (ii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung:
 - (i) Jumlah Jualan
 - (ii) Jumlah Belian
- (b) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.
- (c) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019.
- (d) Encik Chris bercadang untuk menukar perniagaannya kepada perkongsian. Hitungkan pulangan atas modal untuk menunjukkan prestasi perniagaannya kepada bakal pekongsi. (beri jawapan anda kepada dua titik perpuluhan)

Jawapan

- (a) (i) *Jualan Kredit RM84050, Jualan RM89250*
(ii) *Belian Kredit RM63 950, Belian RM64 350*
- (b) *UK RM25 300, UB RM17 663*
- (c) *Modal Kerja RM26 023, PKK RM43 423*
- (d) *58.68%*

Soalan 2

Encik Aiman mengamalkan sistem catatan tunggal dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

	1 Januari 2019	31 Disember 2019
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 300	9 850
Akaun Belum Bayar	4 500	6 450
Kenderaan (harga kos)	18 000	18 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	1 500	?
Inventori	2 500	2 900
Tunai	120	80
Bank	3 900	13 200
Gaji Belum Bayar	2 250	-
Insurans Prabayar	-	2 450
Inventori Alat tulis	50	40
Pinjaman (matang pada 31 Disember 2022)	11 200	8 400
Modal	13 420	

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

	Bank RM	Tunai RM
Penerimaan:		
Jualan	-	5 200
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	83 000	
Tunai di Bank	3 000	
Pembayaran:		
Belian		900
Gaji	3 180	470
Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	62 500	
Ambilan	3 500	?
Tunai di Bank		3 000
Alat tulis	80	30
Insurans	4 640	
Pinjaman	?	

Maklumat Tambahan:

- (i) Kenderaan yang dibeli mempunyai tempoh usia guna 5 tahun dan nilai skrap RM500.
- (ii) Pulangan Jualan oleh pelanggan berjumlah RM500 belum direkod dalam buku perniagaan.

- (iii) Peruntukan hutang ragu ialah pada kadar 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Faedah atas Pinjaman dikenakan 8% setahun atas baki Pinjaman.
- (v) Ambilan barang niaga sepanjang tahun berjumlah RM150 sebulan.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.
- (b) Menghitung ambilan dalam Akaun Tunai.
- (c) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.
- (d) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019.

Jawapan:

- (a) Jualan Kredit RM84 550***
- (b) Ambilan RM840***
- (c) UK RM26 100, UB RM17 807***
- (d) Modal Kerja RM17 687, PKK RM30 687***

Soalan 3

Pn Balqis ialah pemilik Butik dan Andaman Balqis. Beliau tidak menyimpan akaun yang lengkap bagi perniagaannya. Maklumat berikut diambil daripada buku Butik dan Andaman Balqis :

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Kenderaan	20 000	20 000
Perabot	6 000	6 400
Inventori	3 700	4 200
Akaun Belum Terima	1 800	2 000
Akaun Belum Bayar	2 500	2 300
Kadar bayaran Belum Bayar	-	230
Insurans Prabayar	60	180
Pinjaman	10 000	10 000
Bank	2 800	?
Modal	21 860	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Buku Tunai			
	RM		RM
Baki b/b	2 800	Perabot	1 000
Jualan	18 300	Belian	4 300
Akaun Belum Terima	7 500	Akaun Belum Bayar	6 900
Komisen	2 400	Gaji	2 700
		Insurans	600
		Kadar bayaran	890
		Sewa	3 600
		Faedah Pinjaman	350

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2020 :

- (i) Butiran berikut telah direkodkan sepanjang tempoh perakaunan :
 - Pulangan Belian RM130
 - Diskaun Diterima RM370
 - Hutang lapuk dihapuskan RM500
- (ii) Faedah atas Pinjaman 8% setahun.
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan 10% atas kos
- (iv) Cek seorang Akaun Belum Terima RM 260 didapati tidak dilayan oleh bank dan perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (v) Peruntukan hutang ragu 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Pemilik telah mengambil barang niaga RM550 dan perkara ini belum direkodkan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar
- (c) Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. (dengan menunjukkan modal kerja).

Jawapan:

- (a) *Jualan Kredit RM8 200*
- (b) *Belian Kredit RM7 200*
- (c) *UK RM16 180, UB RM7 037*
- (d) *Modal Kerja RM13 947, PKK RM38 347*

Soalan 4

Puan Jersey ialah pemilik tunggal perniagaan Jersey Enterprise yang beroperasi di Muar. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Januari 2019

Aset	RM	Liabiliti	RM
Kenderaan	58 000	Akaun Belum Bayar	4 710
Perabot	5 500	Kadar bayaran Belum Bayar	180
Inventori	8 000	Modal	77 000
Akaun Belum Terima	5 640		
Bank	4 500		
Insuran Prabayar	250		

Berikut ialah ringkasan akaun bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Jualan	8 875	Insuran	900
Akaun Belum terima	32 850	Akaun Belum Bayar	18 556
Komisen	2 225	Belian	3 120
		Gaji	3 600
		Perabot	4 500
		Belanja Am	340
		Sewa	750
		Kadar bayaran	475
		Ambilan	1 450
		Angkutan Masuk	320

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 31 Disember 2019, baki-baki berikut didapati
- | | |
|--------------------|-------|
| Akaun Belum Bayar | 4 050 |
| Akaun Belum Terima | 5 000 |
| Inventori | 6 300 |
- (ii) Seorang Akaun Belum Terima didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM180 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Sewa tahunannya berjumlah RM1200.
- (iv) Kenderaan dan perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos. Perabot baru dibeli pada 1 September 2019.
- (v) Komisen Belum Terperoleh RM225.
- (vi) Diskaun Diterima daripada Akaun Belum Bayar ialah RM430 manakala Diskaun Diberi kepada Akaun Belum Terima ialah RM140.
- (vii) Peruntukan hutang ragu sebanyak 5 % atas Akaun Belum Terima diwujudkan.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira Jumlah Jualan Kredit dan Belian Kredit
- (b) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

Jawapan:

- (a) *Jualan Kredit RM32 530, Belian Kredit RM18 326*
(b) *UK RM18 939, UB RM7 964*
(c) *MK RM21 014, PKK RM82 514*

Soalan 5

Encik John ialah pemilik Kedai Roti John. Beliau tidak menyimpan akaun yang lengkap bagi perniagaannya. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Roti John.

	1 September 2019	31 Ogos 2020
	RM	RM
Kenderaan	30 000	30 000
Alatan Pejabat	12 000	10 500
Inventori	3 700	4 200
Akaun Belum Terima	2 800	1 900
Akaun Belum Bayar	3 300	4 300
Insurans Prabayar	50	-
Pinjaman	10 000	10 000
Komisen Belum Terperoleh	500	-

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020 adalah seperti berikut:

Buku Tunai			
	RM		RM
Jualan	18 300	Baki b/b	2 800
Akaun Belum Terima	9 500	Alatan Pejabat	800
Komisen	2 400	Belian	4 300
Jualan Alatan Pejabat pada 31 Ogos 2020	1 000	Akaun Belum Bayar	6 900
		Gaji	2 700
		Insurans	600
		Kadar bayaran	980
		Sewa	4 900
		Faedah atas Pinjaman	250

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan Belian RM130 belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (ii) Diskaun Diberi RM250
- (iii) Hutang lapuk dihapuskan RM500.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan 10% atas kos.
- (v) Faedah atas Pinjaman 9% setahun.
- (vi) Pemilik telah mengambil barang niaga RM450 untuk kegunaan sendiri dan perkara ini belum direkodkan

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2020

Jawapan:

- (a) *Jualan Kredit RM9 350*
- (b) *Belian Kredit RM7 900*
- (c) *UK RM16 530, UB RM4 250*
- (d) *MK RM8 250, PKK RM45 750*

Soalan 6

Puan Zeela, pemilik Zeela Boutique tidak menyimpan rekod perniagaan yang lengkap. Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaannya.

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Kenderaan (kos)	18 000	18 000
Perabot	9 500	8 200
Inventori	13 450	12 670
Bank	11 600	?
Akaun belum bayar	6 800	5 990
Sewa Prabayar	280	-
Gaji Belum Bayar	510	680

Pada 30 Jun 2020, maklumat penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM
Jualan	38 690
Komisen	940

Pembayaran	RM
Belian	2 810
Perabot baru	1 650
Sewa	1 000
Gaji	1 300
Akaun Belum Bayar	10 200
Angkutan Keluar	230
Insurans	1 200

Maklumat tambahan:

- i. Kenderaan dibeli pada 1 Julai 2018 dan kadar susut nilai ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- ii. Dokumen berikut ditemui oleh Zeela Boutique dan masih belum direkod dalam mana-mana buku perakaunan.

ASAL		NOTA KREDIT SHAWL GALLERY Jalan Lumba Kuda, 34000 Taiping Perak		NK007
Kepada : Zeela Boutique, 219, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping.				15 Jun 2020
Kuantiti	Butir	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)	
15 helai	Selendang swarovski (Dipulangkan kerana tersalah jenama)	80	1200	
	Tolak diskaun niaga 20%		240	
	Jumlah		960	
(Ringgit : Sembilan ratus enam puluh sahaja)				
<i>Awang Pengurus</i>				

Dokumen 1

MEMO Zeela Boutique 219, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping		
		30 Jun 2020
Peringatan :		
Bayaran insurans yang telah dibuat adalah termasuk insurans peribadi RM300.		
<i>Zeela Boutique Pemilik</i>		

Dokumen 2

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Bayar
- (b) Penyata Mengira Modal pada 1 Julai 2019
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.

Jawapan:

- (a) *Belian Kredit RM10 350*
- (b) *RM43 720*
- (c) *UK RM25 710, UB=RM18 200*

Penyata Penyesuaian Bank

**Disediakan oleh : Cikgu Wanti Bt Masrom
SMK Sri Kota Puteri, Pasir Gudang**

**Disemak oleh : Cikgu Bahyah Binti Abdul Majid
SMK Ungku Husin, Mersing**

DEFINISI

Penyata yang menunjukkan butiran yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki akhir BUKU TUNAI (Ruangan Bank) dengan baki akhir PENYATA BANK

TUJUAN

1. Selaraskan baki buku tunai dan baki penyata bank
2. Semak dan betulkan kesilapan buku tunai
3. Tentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam akaun semasa di bank



Format: Penyata Penyesuaian Bank (Tanpa Mengemas kini Buku Tunai)

Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Januari 2012

	RM	RM
Baki kredit di Penyata Bank (dr soalan) atau Baki debit di Penyata Bank (dr soalan)		XXX (XX)
<i>Tambah</i> Deposit belum dikreditkan:		
Nama Syarikat	XX	
Caj Bank/Perkhidmatan	XX	
Faedah overdraf	XX	
Faedah pinjaman	XX	
Komisen Bank	XX	
Buku cek	XX	
Insurans/Sewa (perintah sedia ada)	XX	
Nama (pembetulan-kesilapan BT)	XX	
Nama (cek tak laku)	XX	XX
		XXX
<i>Tolak</i> Cek-cek belum dikemukakan:		
Nama Syarikat	XX	
Nama Syarikat	XX	
Dividen pelaburan	XX	
Penghutang (pindahan kredit)	XX	
Faedah simpanan tetap	XX	
Nama (pembetulan-kesilapan BT)	XX	XX
Baki debit di Buku Tunai (= soalan) atau Baki kredit di Buku Tunai (=soalan)		XXX (XXX)

KAEDAH 2

Format: Penyata Penyesuaian Bank (Tanpa Mengemas kini Buku Tunai)		
Syarikat Rasa sayang		
Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Januari 2020		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai (asal) atau Baki kredit di Buku Tunai (asal)		XXX (XXX)
<i>Tambah</i> Cek-cek belum dikemukakan:		
Nama Syarikat	XX	
Nama Syarikat	XX	
Dividen pelaburan	XX	
Penghutang (pindahan kredit)	XX	
Faedah simpanan tetap	XX	
Nama (pembetulan-kesilapan BT)	XX	XX
<i>Tolak</i> Deposit belum dikreditkan:		XXX
Nama Syarikat	XX	
Caj Bank/Perkhidmatan	XX	
Faedah overdraf	XX	
Faedah pinjaman	XX	
Komisen Bank	XX	
Buku cek	XX	
Insurans/Sewa (perintah sedia ada)	XX	
Nama (pembetulan-kesilapan BT)	XX	
Nama (cek tak laku)	XX	XX
Baki kredit di Penyata Bank atau Baki debit di Penyata Bank		XXX (XX)

KAEDAH 3

Format: Penyata Penyesuaian Bank (dengan mengemaskinikan Buku Tunai)

Syarikat Rasa Sayang
Buku Tunai (Terlaras/kemas kini)

Tarikh	Butir	Bank	Tarikh	Butir	Bank
2020		RM	2020		RM
Jan 31	<i>Baki b/b (baki akhir BT asal)</i>	XXX	Jan 31	<i>Baki b/b (baki akhir BT asal)</i>	XXX
	Dividen pelaburan	XX		Caj Bank/Perkhidmatan	XX
	Penghutang (pindahan kredit)	XX		Faedah overdraf	XX
	Faedah simpanan tetap	XX		Faedah pinjaman	XX
	Nama (pembetulan BT))	XX		Komisen Bank	XX
	Baki h/b	XX		Buku cek	XX
				Insurans/Sewa	XX
				Nama (pembetulan BT)	XX
				Nama (cek tak laku)	XX
				Baki h/b	XX
		XXX			XXX
Feb 1	Baki b/b	XX	Feb 1	Baki b/b	XX

pindah ke penyata penyesuaian bank

pindah ke penyata penyesuaian bank

Kaedah 3

Format: Penyata Penyesuaian Bank (dengan kemas kini Buku Tunai)

Syarikat Rasa Sayang
Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Januari 2020

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai (selepas kemas kini)		1000
(atau Baki kredit di Buku Tunai)		(500)
<i>Tambah</i> Cek-cek belum dikemukakan:		
Nama Syarikat	XX	
Nama Syarikat	XX	XX
<i>Tolak</i> Deposit belum dikreditkan:		XX
Nama Syarikat		XX
Baki kredit di Penyata Bank		XXX
(Baki debit di Penyata Bank)		(XX)

nilai mesti sama dengan nilai akhir penyata bank di soalan

Latihan
PENYATA PENYESUAIAN BANK

SOALAN 1

Perniagaan Faraliza menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 31 Ogos 2020. Baki Penyata Bank yang diterima berbeza dengan baki Buku Tunainya. Berikut adalah Penyata Bank dan Buku Tunai pada tarikh berkenaan.

PENYATA BANK					
BANK JAYA BERHAD					
15 Jalan Sagu 5, Taman Daya					
81100 Johor Bahru					
Perniagaan Jujur					
8, Jalan Setia 5/4			No. Akaun : 188276763289		
81100 Johor Bahru			Tarikh : 31 Ogos 2020		
Tarikh	Keterangan	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
			RM	RM	RM
2020					
Ogos 1	Baki b/b				2 800
2	Cek	174510	400		2 400
	Cek	174511	250		2 150
3	Deposit			460	2 610
8	Cek	174512	470		2 140
11	Deposit			670	2 810
11	Cek	174513	360		2 450
13	Deposit			5 010	7 460
20	Cek	174514	509		6 951
28	Cek	174515	6 500		451
21	Deposit			1 140	1 591
28	Insurans (Pindahan kredit)		300		1 291
29	Dividen			160	1 451
30	Faedah atas overdraf		1 900		(449)

Buku Tunai (ruangan bank)

2020			RM	2020			No. Cek	RM
Ogos 1	Baki	b/b	2 150	Ogos 7	Kedai Ava	174512	470	
2	Humairah		460	8	Winnie Trading	174513	360	
5	Kedai Lyon		700	19	Wee Enterprise	174514	590	
7	Jualan		670	20	Perabot	174515	6 500	
10	Azam Taib		5 010	23	Perniagaan Joyce	174516	280	
15	Nadiah Lukman		1 140	30	Stabil Consultant	174517	450	
20	Win Tee Trading		860	31	Baki	h/b	2 340	
			10 990					10990
Sept 1	Baki	b/b	2 340					

Maklumat tambahan :

- (i) Cek yang diterima pada 5 Ogos 2020 daripada Kedai Lyon bernilai RM700 dipulangkan oleh bank dengan perkataan 'rujuk penyuruhbayar.
- (ii) Cek bernombor 174514 telah dicatat dengan angka yang salah di Buku Tunai.

Anda dikehendaki:

- (i) Mengemaskini Buku Tunai pada 31 Ogos 2020.
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada tarikh yang sama.

Jawapan: Buku Tunai RM319, PPB RM419

SOALAN 2

1. Buku tunai Perniagaan Aminah Bhd menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata bank pada 31 Mei 2020. Berikut ialah buku tunai dan penyata bank pada tarikh tersebut

Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

TARIKH	BUTIR	RM	TARIKH	BUTIR	NO CEK	RM
2020 MEI	Baki b/b	7 350	2020 MEI	Sewa	1083	850
1						
3	Jualan	2 550	4	Baiki kenderaan	1084	500
5	Akilla Bhd	870	6	Komisen	1085	590
8	Farah	1 450	10	Ang.masuk	1086	220
25	Bona Bhd	2 530	24	David & co	1087	2 477
28	Perniagaan Dini	1 770	27	Arjuna Bhd	1088	5 633
29	Peruncit Ahmad	2 430	29	TNB	1089	120
31	Baki h/b	380	31	Sy. Motor Bhd	1090	8 700
				Insuran Maju Bhd	1091	240
		<u>19330</u>				<u>19 330</u>

Penyata bank

BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD PENYATA BANK					
PERNIAGAAN Aminah BHD A 50, JALAN GAJAH PUTIH TEMERLOH, PAHANG			No Akaun: 02- 101010101-5 Tarikh : 31 Mei 2020		
TARIKH	BUTIR	NO.CE K	DEBIT	KREDIT	BAKI
1996 MEI	Baki b/b				8 150
1					
5	Cek	1083	850		7 300
10	Cek	1084	500		6 800
11	Deposit			2 550	9 350
	Deposit			870	10 220
12	Cek	1082	800		9 420
	Buku cek		15		9 405
14	Cek	1086	220		9 185
16	Deposit			1 450	10 635
28	Cek	1088	5633		5 002
	Cek	1087	2747		2 255
29	Deposit			1 770	4 025
30	Dividen (Sy Alma Bhd			1 560	5 585
	Pindahan kredit (Sy Koh Bhd			2 300	7 885
31	Deposit			2 430	10 315

Sediakan :

- a) Mengemaskini buku tunai Perniagaan Aminah Bhd
- b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2020

JAWAPAN: Baki Buku Tunai RM3195, Baki kredit Penyata Bank RM10315

SOALAN 3

Ringkasan Akaun Bank dalam Buku Tunai Perniagaan Danny bagi bulan berakhir 31 Mac 2020 adalah seperti berikut :

	RM
Baki pada 1 Mac 2020	5 200
Jumlah deposit	27 600
	<hr/> 32 800
Jumlah bayaran	-16 500
Baki pada 31 Mac 2020	<hr/> <hr/> 16 300

Penyata Bank yang diterima pada 31 Mac 2020 menunjukkan baki yang berbeza. Setelah memeriksa rekod perakaunan, perbezaan tersebut disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut :

- i. Sekeping cek bernilai RM1 650 yang dibayar kepada Syarikat Zalia telah dicatatkan dalam Buku Tunai sebagai RM1 560.
Deposit cek daripada Saujana Trading RM2 300 pada 31 Mac belum dikreditkan
- ii oleh bank.
- iii. Bank telah membayar ansuran van RM850 dan premium insurans sebanyak RM960 bagi pihak Perniagaan Danny mengikut perindah sedia ada.
- iv. Dua keping cek yang belum ditunaikan oleh bank :

Perniagaan Syiro	No. Cek : 127868	RM1 300
Belian	No. Cek : 127870	RM2 100

- v. Bayaran perkhidmatan bank sebanyak RM120 yang ditunjukkan dalam Penyata Bank belum direkodkan dalam Buku Tunai
- vi. Cek pelanggan iaitu Kodiang Trading bernilai RM1 200 yang telah dibankkan pada 25 Jun 2020 dipulangkan oleh bank bertanda 'Rujuk kepada Penyuruh Bayar'
- vii. Cek bernilai RM2 400 yang dibayar kepada Syarikat Jitra Berhad telah didebitkan oleh bank tetapi direkodkan disebelah debit Buku Tunai.
- viii. Dividen berjumlah RM890 diterima terus oleh pihak bank bagi pihak Perniagaan Danny belum direkodkan lagi dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemaskinikan Buku Tunai

Jawapan: Penyata Kredit Penyesuaian Bank RM10270

SOALAN 4

Fazlina, seorang peniaga tunggal menerima penyata bank bagi bulan Oktober 2020. Beliau mendapati baki akhir penyata bank berbeza dengan baki buku tunai seperti berikut:

	RM
Penyata bank	239 (Debit)
Buku Tunai	3 451

Setelah Emalin membandingkan penyata bank dengan buku tunai, perkara berikut ditemui

- i) Arahan tetap untuk bayaran premium RM747 belum direkod dalam buku tunai
- ii) Cek RM1 251 untuk sewa dan RM385 kepada Ahmad belum dikemukakan kepada bank
- iii) Dividen RM528 daripada Wawasan Berhad dan caj bank RM61 belum direkod dalam buku tunai
- iv) Cek RM3 958 daripada Syarikat Lily telah didepositkan pada 3 Oktober 2020, tetapi belum dikreditkan oleh bank
- v) Cek RM832 yang diterima daripada Din telah dipulangkan oleh bank bertanda “Rujuk Penyuruh bayar” tetapi belum direkodkan dalam buku tunai
- vi) Cek RM128 kepada Aziz telah didebitkan oleh bank tetapi direkodkan disebelah debit buku tunai

Anda dikehendaki:

- a) Mengemaskini buku tunai pada 31 Oktober 2020
- b) Menyediakan Penyata penyesuaian bank selepas buku tunai dikemaskini

Jawapan : a) Baki b/b RM2083 b) Baki debit dipenyata bank (RM239)

Belanjawan Tunai

**Disediakan oleh : Cikgu Abdul Ghaffar Bin Abu Bakar
SMK LKTP Ulu Belitong, Kluang**

**Disemak oleh : Cikgu Bahyah Binti Abdul Majid
SMK Ungku Husin, Mersing**

Nota Ringkas
BELANJAWAN TUNAI

Maksud - Anggaran pendapatan dan perbelanjaan dalam suatu tempoh tertentu.

Tujuan

- i. keupayaan membayar perbelanjaan perniagaan dan liabiliti (Akaun Belum Bayar dan pinjaman)
- ii. merancang, menyelia dan mengawal aliran tunai
- iii. menunjukkan punca, jumlah dan bila perbelanjaan dan pendapatan digunakan
- iv. membandingkan antara anggaran dengan sebenar

Belanjawan Tunai Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 20XX

Butir	Januari	Feb	Mac
Baki/ Baki b/b/ Baki awal (a)	-	1	5
Penerimaan:			
Modal	5		
Jualan	4	3	12
Komisen	-	8	-
Jumlah Penerimaan (b)	9	11	12
Pembayaran:			
Belian	1	1	2
Belanja-belanja	7	6	2
Alat Pejabat	-	-	5
Jumlah Pembayaran (c)	8	7	9
Lebihan/Kurangan (d) = (b) - (c)	1	4	3
Baki/ Baki h/b/ Baki akhir (a + d)	1	5	8

a. Perbandingan di antara belanjawan dengan urus niaga sebenar.

Butir	Belanjawan	Sebenar	Ulasan
Penerimaan:			
Jumlah Penerimaan	8	7	Lebih rendah
Pembayaran:			
Jumlah Pembayaran	24	25	Lebih tinggi

Butir	Belanjawan	Sebenar	Ulasan
Penerimaan:			
Jumlah Penerimaan	8	9	Lebih Tinggi
Pembayaran:			
Jumlah Pembayaran	24	23	Lebih Rendah

Soalan 1

Puan Rohayu seorang peniaga yang menjalankan Pasar Mini Ayu yang beroperasi di Batu Pahat, Johor.

Baki-baki aset pada 31 Julai 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Peralatan kedai	15 000
Premis	100 000
Tunai di tangan	2 280
Tunai di bank	40 530
Tunai runcit	350
Akaun Belum Terima	20 000

Maklumat dan perancangan berikut diperoleh bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Oktober 2020.

- (i) Jualan bulan Julai ialah RM40 000 dan dijangka meningkat 5% dan 10% bagi bulan Ogos dan September. Jualan bagi bulan Oktober dijangka kekal seperti bulan sebelumnya. Jualan tunai adalah separuh daripada jumlah jualan bulanan dan tempoh kredit yang diberikan kepada pelanggan adalah sebulan.
- (ii) Belian bagi bulan Julai ialah RM18 000 dan dijangka meningkat 5% pada bulan Ogos. Belian bagi bulan berikutnya adalah sama seperti bulan sebelumnya. Semua belian adalah secara tunai.
- (iii) Pemilik membawa masuk tunai RM2 500 dan komputer peribadi RM2 000 sebagai modal tambahan pada bulan September. Kadar susut nilai komputer adalah 10% atas kos.
- (iv) Perniagaan menggaji dua orang pekerja dengan bayaran gaji bulanan RM1 300 seorang dan pada bulan Oktober seorang pekerja lagi diambil bekerja dengan bayaran gaji minimum RM1 100.
- (v) Sebuah perisian perakaunan MyAccountingPro bernilai RM2 000 dijangka dibeli pada bulan Oktober.
- (vi) Pemilik bercadang untuk mengubahsuai premis perniagaan dengan membuat pinjaman RM30 000. Bayaran balik selama 5 tahun dengan kadar faedah 5% setahun. Pinjaman dijangka diterima pada bulan Ogos dan bayaran ansuran bulanan pinjaman bermula pada bulan Oktober.

(vii) Belanja bulanan adalah seperti berikut:

	RM
Kadar bayaran	550
Insurans	1 000
Belanja am	480

(viii) Sebuah van terpakai bernilai RM15 000 dijangka dibeli pada bulan Ogos untuk kegunaan perniagaan dengan bayaran deposit RM3 000. Baki van tersebut dibayar dalam tempoh 15 bulan bermula bulan berikutnya. Van disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(ix) Komisen jualan berjumlah RM375 hasil daripada jualan surat khabar dan jualan kad tambah nilai diterima pada akhir setiap tiga bulan bermula bulan Januari 2020.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2020.

Jawapan : Baki akhir Ogos RM87630 , Sept. RM110275, Okt RM 128420

Soalan 2

Encik Mamat adalah pemilik Green Nusery yang beroperasi di Muar telah menjalankan perniagaannya bermula Jun 2020. Berikut adalah maklumat yang telah disediakan oleh beliau untuk tujuan penyediaan belanjawan tunai perniagaannya.

(i) Baki pada 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Tunai ditangan	954
Tunai di bank	73 561
Akaun Belum Terima	15 000

(ii) Jualan pada bulan Jun ialah RM50 000 dan nilai jualan dijangka akan meningkat 4% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan setiap bulan merupakan jualan kredit.

(iii) Belian pada bulan Julai RM30 000 dan dijangka meningkat 2% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. Semua belian adalah secara tunai.

(iv) Polisi kredit perniagaan ini ialah 30 hari.

(v) Sebuah van terpakai miliknya berharga RM20 000 dijangka akan dibawa masuk ke dalam perniagaan pada awal bulan Ogos 2020.

- (vi) Jangkaan penerimaan hasil:
- Komisen diterima pada bulan Julai dijangka RM1 100 dan akan meningkat 10% pada bulan Ogos. Ia dijangka terus stabil hingga bulan September.
 - Sewa kenderaan mulai Ogos RM800 sebulan.
- (vii) Pelbagai pembayaran:
- Insurans RM2 400 setahun dibayar secara bulanan mulai April 2020.
 - Kos pembajaan RM500 setiap bulan mulai Julai.
 - Promosi akan dibuat pada bulan Ogos dengan kos RM600.
 - Kadar bayaran bulan Julai dan Ogos ialah RM2 850 dan RM2 900. Seterusnya kekal untuk bulan September.
 - Gaji pekerja kekal RM6 350 sehingga Ogos. Mulai bulan September, gaji akan meningkat 2% sebulan.

Sediakan Belanjawan Tunai bagi Green Nusery bagi tiga bulan berakhir 30 September 2020.

Jawapan : Baki akhir Julai RM87115, Ogos RM101431, Sept. RM117746

Soalan 3

Perniagaan Jaimah telah menyediakan anggaran kewangan bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Baki pada 1 Oktober 2020 :

	RM
Tunai	800
Bank	5 150
Alatan pejabat	3 500
Akaun Belum Bayar	21 000

- (ii) Anggaran jualan bulan September 2020 berjumlah RM42 000 dan meningkat sebanyak 20% sebulan dari bulan sebelumnya. 25% daripada jualan adalah jualan kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.
- (iii) Anggaran belian bulan Oktober 2020 berjumlah RM33 000 dan meningkat sebanyak 10% sebulan dari bulan sebelumnya. 30% daripada belian adalah belian tunai manakala selebihnya merupakan belian kredit dengan tempoh kredit sebulan.
- (iv) Sebuah mesin fotostat akan dibeli dengan harga RM6 000 pada bulan Oktober dengan wang pendahuluan sebanyak RM1 200 dan bakinya dijelaskan dalam tempoh 5 bulan bermula pada bulan November.

- (v) Pinjaman daripada Bank Rakyat sebanyak RM36 000 dijangka akan diterima pada November 2020 berkadar faedah 5% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 2 tahun bermula awal bulan berikutnya.
- (vi) Alatan pejabat disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.
- (vii) Belanja tahunan adalah seperti berikut:

	RM
Gaji	18 000
Kadar bayaran	2 400
Sewa	13 200
Belanja am	1 200

- (viii) Komisen sebanyak RM600 dijangka diterima mulai bulan November 2020.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2020.
- (b) Berikan **dua** kepentingan menyediakan belanjawan.

Jawapan : Baki akhir Okt. RM19250, Nov. RM75960, Dis. RM 103213

Soalan 4

Puan Murni menjalankan Perniagaan Pakaian Ani. Beliau dibantu oleh 2 orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 200 seorang. Berikut maklumat yang diperoleh pada 1 Februari 2020.

	RM
Tunai di tangan	800
Tunai di bank	20 000
Inventori	10 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah jualan Januari RM25 000 dan dijangka meningkat 20% pada bulan berikutnya. Nisbah jualan tunai dan kredit 3 : 1 dengan tempoh kredit 1 bulan.
- (ii) Jumlah belian adalah 60% daripada jualan bulanan di mana 3/4 daripada belian adalah secara kredit. Tempoh kredit 2 bulan.
- (iii) Perniagaan bercadang membuat pinjaman pada bulan Februari sebanyak RM50 000 untuk pengubahsuaian premis dengan kadar faedah 4% setahun. Bayaran balik 5 tahun, bermula bulan Mac.

- (iv) Kadar bayaran dan Insurans berjumlah RM700 dan RM1 500 setiap bulan.
- (v) Pada bulan Mac seorang pekerja dinaikkan gaji sebanyak 20%.
- (vi) Sebuah mesin daftar tunai RM1 200 dibeli pada bulan Februari secara kredit. Pendahuluan sebanyak RM500 dibayar dan baki akan dijelaskan pada dua bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 April 2020.

Jawapan : Baki akhir Feb. RM89950, Mac RM101960, Apr. RM116840

Soalan 5

Encik Mahadhir pemilik Kedai Elektrik Marimari di Kluang, Johor bercadang untuk menyediakan belanjawan tunai kedainya mulai bulan September 2020. Pada 1 September 2020, baki tunai perniagaannya ialah RM4 600.

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir November 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah jualan bulan September RM5 000. Bulan Oktober dan November bertambah sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Jumlah belian adalah:

	RM
Ogos	3 000
September	3 400
Oktober	3 600
November	4 000

70% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.

- (iii) Komisen diterima adalah berjumlah RM400 dan akan meningkat 10% pada bulan November.

(iv) Perbelanjaan adalah seperti berikut:

Butir	September	Oktober	November
	RM	RM	RM
Sewa	500	500	500
Kadar bayaran	230	245	260

(v) Susut nilai kenderaan dianggarkan RM300 setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Kedai Elektrik Marimari bagi tiga bulan berakhir 30 November 2020

Jawapan : Baki akhir Sept. RM6150, Okt. RM7845 , Nov. RM9855

Soalan 6

Puan Mahani ialah pemilik Mahani Enterprise, sebuah perniagaan yang membekalkan pelbagai jenis kerepek di bandar Mersing. Beliau telah merancang menyediakan anggaran belanjawan tunai untuk tiga bulan berakhir pada 31 Disember 2020.

Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaannya:

(i) Pada 1 Oktober 2020, Puan Mahani akan memulakan perniagaannya dengan modal:

	RM
Tunai di bank	14 000
Tunai di tangan	6 000
Peralatan kecil	20 000

(ii) Anggaran jumlah belian:

Oktober	November	Disember
RM	RM	RM
8 000	10 400	13 500

60% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit. Tempoh kredit ialah satu bulan.

(iii) Anggaran jualan bulan Oktober ialah RM12 000. Jualan bulan November dan Disember dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan bulanan diberi tempoh kredit sebulan.

- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Beliau bercadang untuk membuat pinjaman dari bank sebanyak RM30 000 berkadar faedah 6% setahun selama 60 bulan. Pinjaman dijangka akan diperolehi pada bulan November. Ansuran pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (vi) Perniagaan mempunyai 2 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 000 seorang. Pada bulan Disember seorang lagi pekerja diambil dengan gaji RM1 200 sebulan.
- (vii) Belanja bulanan adalah sewa sebanyak RM1 200, kadar bayaran RM850 dan Insurans RM500.
- (viii) Sebuah van terpakai RM30 000 dijangka akan dibeli dalam bulan November dengan bayaran pendahuluan RM6 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama 5 tahun bermula pada bulan Disember.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2020.

Jawapan : Baki akhir Okt. RM19050, Nov. RM42740, Dis. RM40096

Perkongsian

Disediakan oleh : Cikgu Ng Peck Chin
SMK Kahang, Kluang

Disemak oleh : Cikgu Robiah Binti A.Majid
SMK Tun Perak, Muar

Nota Ringkas

PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

Perkongsian

- Organisasi dibentuk secara gabungan sekurang-kurangnya 2 hingga 20 orang pekongsi. Jika perkongsian profesional bilangan 2 hingga 50 orang.
- Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 - perhubungan yang wujud antara orang yang menjalankan urusan bersama dengan tujuan untuk **mendapatkan keuntungan**
- Pemilik berkongsi **modal, kepakaran, pengalaman dan risiko**
- Contoh – Klinik Dr Azlan & Mat, Lim & Yang

Kelebihan Perniagaan Perkongsian

- ❖ Semakin ramai pekongsi, semakin banyak **modal** diperolehi
- ❖ Pelbagai **kepakaran** dan **pengalaman** dikongsi bersama
- ❖ **Risiko** ditanggung bersama antara rakan kongsi

Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961

- Untung rugi dibahagi sama rata
- Faedah 8% setahun atas pinjaman pekongsi
- Tiada Faedah atas modal pekongsi.
- Tiada gaji pekongsi dibayar.
- Setiap pekongsi berhak mengurus perniagaan.
- Buku akaun perkongsian disimpan di premis perniagaan.

Akaun Pengasingan Untung Rugi

- Akaun Pengasingan Untung Rugi (PUR) adalah sambungan daripada Akaun Perdagangan dan Untung Rugi. Akaun PUR ini bermula daripada untung bersih. Ia bertujuan untuk memperolehi kongsi untung atau kongsi rugi selepas mengambil kira beberapa butiran. Contoh format seperti dibawah

Bentuk T

Perkongsian XY
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX

	RM		RM
Faedah atas modal	X	Untung bersih	X
Gaji/Elaun/Bonus pekongsi	X	Faedah atas ambilan	X
Akaun Semasa Pekongsi X	X		
Akaun Semasa Pekongsi Y	X		
	XX		XX

Perkongsian XY
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20XX

	RM	RM
Untung bersih		XXX
Faedah atas ambilan		X
		XXXX
Tolak:		
Faedah atas modal	X	
Gaji/Elaun/Bonus pekongsi	X	XX
Tolak:		XX
Akaun Semasa Pekongsi X	X	
Akaun Semasa Pekongsi Y	X	XX
		0

Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian

Akaun Semasa Pekongsi X

20XX		RM	20XX		RM	
Dis 31	Ambilan	x	Jan 1	Baki b/b	x	
	Faedah atas ambilan	x	Dis 31	Faedah atas modal	x	
	Baki h/b	x		*Gaji/ Elaun/ Bonus	x	
				*Faedah atas pinjaman	x	
				#Pengasingan untung rugi	x	
		xx			xx	
			20XX	Jan 1	Baki b/b	X

* hanya merekod yang belum bayar

jika butiran Pengasingan untung rugi direkodkan di sebelah debit, maka ini menunjukkan kongsi rugi

Perkongsian XY
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 20XX

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM	RM
Akaun Modal Pekongsi X	X	
Akaun Modal Pekongsi Y	X	XX
Akaun Semasa Pekongsi X	X	
Akaun Semasa Pekongsi Y	X	XX

Latihan
PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

Soalan 1

Ahmad dan Mahmood ialah pekongsi dalam Pekongsian AM. Perjanjian pekongsian mengariskan perkara berikut:

- a) Faedah atas modal 10 % setahun
- b) Ambilan pekongsi dikenakan faedah sebanyak 5 % setahun
- c) Faedah atas pinjaman pekongsi 8 % setahun berdasarkan jumlah pinjaman asal
- d) Mahmood dibayar gaji RM2 500 sebulan
- e) Nisbah untung atau rugi antara Ahmad dan Mahmood ialah 3:2

Imbangan duga yang berikut diperolehi daripada buku Perkongsian AM pada 31 Mac 2021

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Inventori pada 1 April 2020	44 000	
Angkutan Masuk	5 500	
Belian Dan Jualan	340 600	505 120
Pulangan	3 804	
Gaji Pekerja	66 600	
Sewa	33 200	
Kadar Bayaran	4 480	
Akaun Semasa pada 1 April 2020		
Ahmad		100
Mahmood	460	
Ambilan		
Ahmad(1 Oktober 2020)	14 000	
Mahmood (30 Jun 2020)	8 000	
Akaun Modal pada 1 April 2020		
Ahmad		120 000
Mahmood		60 000
Bank	11 958	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	54 200	31 694
Peruntukan Hutang Ragu		1 488
Pinjaman daripada Ahmad		18 000
Faedah Pinjaman Ahmad	2 400	
Lengkapan (kos)	184 000	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		36 800
	773 202	773 202

Maklumat tambahan

- i Inventori pada 31 Mac 2021 bernilai RM54 200 harga pasaran dan RM55 600 harga kos
- ii Sewa prabayar RM 5 600

- iii Kadar bayaran belum bayar sebanyak RM510
- iv Pinjaman daripada Ahmad sebanyak RM30 000 dibuat pada 1 April 2020.
Bayaran balik pinjaman RM1 000 setiap bulan bermula 30 April 2020
- v Seorang pelanggan didapati muflis, hutangnya sebanyak RM600 dihapuskan
- vi Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% daripada baki akaun belum terima
- vii Gaji Mahmood telah dijelaskan dalam tahun semasa dan didebitkan ke akaun gaji.
- viii Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan, Untung Rugi dan pengasingan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021

*Jawapan -UK=RM165 416, UB=RM63 130,
Kongsi Untung Ahmad=RM9 468, Kongsi Untung Mahmood=RM6 312,
Ak. Semasa Ahmad =RM7 218, Ak. Semasa Mahmood=RM3 552
MK=RM79 010, PKK=RM196 770*

Soalan 2

Fusian dan Cheang ialah pekongsi dalam Perkongsian FC yang menjual alatan permainan kanak-kanak. Berikut adalah Imbangan Duga yang diambil daripada buku perkongsian selepas untung kasar diperoleh pada 31 Julai 2021.

Ikatan Perkongsian menyatakan :

- i Untung atau Rugi diagihkan mengikut nisbah 3: 2
- ii Cheang akan dibayar gaji RM6 000 setahun
- iii Faedah atas modal akan dibayar 5% setahun
- iv Faedah atas ambilan akan dikenakan 10% setahun

Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perniagaan Perkongsian FC pada 31 Julai 2021

	RM
Modal pada 1 Ogos 2020	
Fusian	72 000
Cheang	92 000
Akaun Semasa 1 Ogos 2020	
Fusian	2 000
Cheang	(1 000)
Ambilan	
Fusian (31 Oktober 2020)	8 000
Cheang (1 Mac 2021)	12 000
Akaun Belum Terima	46 000
Akaun Belum Bayar	51 000
Peruntukan Hutang Ragu	2 000
Tunai Di Tangan	5 000
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	24 000
Susut Nilai Berkumpul Perabot	16 000
Kenderaan	120 000
Perabot	40 000
Bank	10 000
Gaji Pekerja	7 500
Insurans	9 600
Angkutan Keluar	7 900
Promosi	12 000
Untung Kasar	80 000

Maklumat tambahan :

- i Inventori pada 31 Julai 2021 bernilai RM60 000
- ii Angkutan keluar belum bayar RM1 100
- iii Hutang lapuk dihapuskan RM1 000
- iv Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% ke atas akaun belum terima bersih
- v Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala kenderaan disusutnilaikan pada kadar 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- vi Insurans dibayar untuk setahun berakhir 31 Oktober 2021
- vii Gaji pekerja termasuk gaji Cheang sebanyak RM5 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi (bentuk lajur)
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021

*Jawapan - UB=RM40 100, Kongsi Untung Fusian=RM16 200,
Kongsi Untung Cheang=RM10 800, Ak. Semasa Fusian =RM13 200,
Ak. Semasa Cheang=RM2 900 MK=RM68 500, PKK=RM180 100*

Soalan 3

Azlan dan Yang merupakan pekongsi dalam Perkongsian A&Y yang beroperasi di Cheras Kuala Lumpur. Berikut adalah ikatan perjanjian yang dipersetujui:

- i Azlan dan Yang masing-masing layak menerima gaji sebanyak RM100 sebulan
- ii Faedah atas modal adalah 10% setahun
- iii Faedah akan dikenakan ke atas ambilan sebanyak 5% setahun
- iv Faedah atas pinjaman 8% setahun
- v Untung rugi perkongsian dibahagikan mengikut nisbah modal

Berikut adalah Imbangan Duga perkongsian yang disediakan pada 31 Disember 2021:

Perkongsian A&Y Imbangan Duga Pada 31 Disember 2021

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal : Azlan		45 000
: Yang		45 000
Akaun Semasa : Azlan		1 000
: Yang		1 422
Jualan		62 500
Belian	34 000	
Inventori pada 1 Januari 2021	2 200	
Gaji Pekerja	3 700	
Belanja Pentadbiran	2 970	
Insurans	4 800	
Bangunan	100 000	
Sewa		1 750
Akaun Belum Bayar		870
Akaun Belum Terima	4 350	
Peruntukan Hutang Ragu		80
Perabot (kos)	9 000	
Susut Nilai Berkumpul Perabot		900
Lengkapan (kos)	10 000	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		500
Bank	6 802	
Pinjaman daripada Azlan ada 30 Jun 2021		20000
Faedah Pinjaman Azlan	1 200	
	179 022	179 022

Maklumat tambahan:

- i Inventori akhir RM2 800 pada nilai pasaran dan RM3 200 pada nilai kos.
- ii Tarikh tamat insurans tahunan pada 28 Februari 2021.

- iii Pekongsi masing-masing membawa masuk RM5 000 ke bank perkongsian pada 1 Julai 2021.
- iv Sewa belum terima RM200.
- v Pulangan barang salah jenama oleh pelanggan RM350 masih belum direkod.
- vi Peruntukan hutang ragu 5% atas akaun belum terima.
- vii Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Lengkapan	5% setahun atas kos
Perabot	10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

- viii Ambilan barang niaga telah dibuat oleh pekongsi pada tarikh berikut belum direkod:
Yang RM2 400 pada 31 Januari 2021
- ix Gaji Azlan telah dibayar RM500 tersalah catat ke akaun gaji pekerja.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021
- (c) Akaun Semasa dan Akaun Modal pekongsi (beruangan)
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

Jawapan -UK=RM31 150, UB=RM19 900, Kongsi Rugi Azlan=RM4 005, Kongsi Rugi Yang=RM4 055, Ak. Semasa Azlan =RM10 905, Ak. Semasa Yang=RM8 917, Ak. Modal Azlan=RM50 000, Ak. Modal Yang = RM50 000, MK=RM23 532,PKK=RM139 822

Soalan 4

Joyce dan Joe adalah rakan kongsi dalam J & J Co. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas modal	12% setahun
Gaji Joyce	RM500 sebulan
Gaji Joe	RM400 sebulan
Faedah atas pinjaman	8% setahun
Kongsi untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal tetap.	

Imbangan Duga pada 30 Jun 2021

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot (Nilai buku bersih)	22 500	
Premis	50 000	
Akaun Belum Terima	6 500	
Akaun Belum Bayar		3 330
Bank	10 840	
Tunai	410	
Inventori pada 1 Julai 2020	13 090	
Peruntukan Hutang Ragu		420
Belian dan Jualan	82 856	130 400
Angkutan Masuk	4 250	
Komisen	3 840	
Gaji	6 420	
Kadar Bayaran	1 034	
Insurans	1 800	
Gaji Joyce	6 000	
Gaji Joe	5 800	
Modal pada 1 Julai 2020:		
Joyce		30 800
Joe		46 200
Akaun Semasa pada 1 Julai 2020:		
Joyce	870	
Joe		1380
Ambilan:		
Joyce	15 000	
Joe	4 000	
Pinjaman Joyce		15 000
	<u>231 370</u>	<u>231 370</u>

Maklumat tambahan:

- i Inventori pada 30 Jun 2021 bernilai RM13 550.
- ii Terimaan komisen untuk setahun bermula 1 April 2021.
- iii Kadar bayaran belum bayar RM100.
- iv Insurans dibayar untuk setahun berakhir 31 Ogos 2021.
- v Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% daripada Akaun Belum Terima.
- vi Perabot dibeli pada 1 Julai 2018 dengan kadar susut nilai 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.
- vii Gaji pekerja RM1 000 telah direkod dalam gaji Joe.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021

Jawapan -UK=RM43 754, UB=RM31 305, Kongsi Rugi Joyce=RM4 560, Kongsi Rugi Joe=RM6 759, Ak. Semasa Joe =RM9 683, Ak. Semasa Joyce=RM6 468(dt) MK=RM24 965, PPK=RM95 215

Soalan 5

Fauzee dan Danny ialah pekongsi dalam Perkongsian Fauzee dan Danny Resources yang menjalankan perniagaan pemprosesan ayam segar yang beroperasi di Kluang Johor.

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut :

- i Untung atau rugi dibahagikan antara Fauzee dan Danny mengikut nisbah 3:2
- ii Gaji bulanan Fauzee RM500 dan Danny RM200
- iii Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun
- iv Faedah atas modal ialah 2% setahun
- v Semua ambilan dikenakan faedah 10% setahun

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Perkongsian Fauzee dan Danny Resources pada 31 Ogos 2021.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori 1 September 2020	12 000	
Modal 1 September 2020		
Fauzee		700 000
Danny		300 000
Akaun Semasa 1 September 2020		
Fauzee	40 800	
Danny		12 000
Ambilan		
Fauzee - 1 Disember 2020	4 000	
Danny - 1 Mac 2021	3 000	
- 1 Jun 2021	5 000	
Pinjaman daripada Fauzee		50 000
Premis	800 000	
Kenderaan (Kos)	129 600	
Mesin	55 600	
Bank	38 000	
Tunai	11 000	
Gaji :		
Fauzee	5 000	
Danny	2 000	
Bonus:		
Fauzee	1 000	
Danny	400	
Untung Bersih Sebelum Pelarasan		80 000
Akaun Belum Terima	72 000	
Akaun Belum Bayar		37 400
	<u>1 179 400</u>	<u>1 179 400</u>

Maklumat tambahan:

- i Inventori pada 31 Ogos 2021 dinilai pada RM5 000
- ii Komisen belum terima RM400
- iii Hutang lapuk terpulih RM750
- iv Faedah atas pinjaman pekongsi dibayar RM3 400
- v Belanja membaiki mesin belum bayar RM280
- vi Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus
- vii Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Bersih yang diselaraskan.
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan)
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2021.
(Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)

Jawapan - UB=RM65 870,
Kongsi Untung Fauzee=RM21 987, Kongsi Untung Danny=RM14 658
,Ak. Semasa Fauzee =RM7 513(dt), Ak. Semasa Danny=RM24 783

Soalan 6

Suzee dan Othman adalah pekongsi bagi Perniagaan S.O Trading yang menjalankan perniagaan di bandar Kuantan. Pada 31 Julai 2021, baki-baki akaun perniagaan mereka adalah seperti berikut :

	RM	
Untung bersih	55 000	
Modal pada 1 Ogos 2020 :		
Suzee	40 000	
Othman	60 000	
Akaun Semasa pada 1 Ogos 2020 :		
Suzee	10 950	(Kt)
Othman	2 300	(Dt)
Pinjaman Suzee	30 000	
Gaji Othman	13 200	
Ambilan bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 :		
Suzee : 1 Ogos 2020	4 000	
1 Januari 2021	6 000	
Othman : 1 Januari 2021	6 000	
1 Februari 2021	5 000	

Syarat – syarat perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut :

- i Faedah atas modal 10% setahun
- ii Faedah atas ambilan 5% setahun
- iii Faedah atas pinjaman 12% setahun
- iv Gaji bulanan Suzee dan Othman ialah RM1 200 masing-masing
- v Bonus Suzee RM6 000 dikredit terus ke Akaun Semasanya
- vi Untung atau rugi dibahagi antara pekongsi mengikut nisbah 2:3

Semua pekongsi bersetuju membuat pelarasan bagi perkara berikut yang belum diambil kira dalam penyediaan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi :

- i Sewa diterima belum diterima RM500
- ii Insurans prabayar RM1 200
- iii Gaji pekerja Belum bayar RM650
- iv Baki Akaun Belum Terima dihapuskan RM550
- v Mewujudkan Peruntukan Hutang Ragu RM250

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira Untung Bersih selepas mengambil kira pelarasan
- (b) Penyata pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021
- (c) Akaun Semasa Suzee dan Akaun Semasa Othman
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)


*Jawapan - UB=RM51 650,
Kongsi Untung Suzee=RM3 010, Kongsi Untung Othman=RM4 515
,Ak. Semasa Suzee =RM31585, Ak. Semasa Othman=RM1885*

Pembubaran Perkongsian

**Disediakan oleh : Cikgu Shahida Binti Shahr
SMK Seri Bali, Segamat**

**Disemak oleh : Cikgu Md Azhan Bin Md Nasir
SMK Mutiara Rini 2, JB**

Pembubaran Perkongsian



TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL

1. Semua aset perkongsian dilupus iaitu dijual atau diambil alih oleh rakan kongsi
2. Semua liabiliti dijelaskan; liabiliti kepada pihak luar/pemiutang luar dijelaskan terlebih dahulu.
3. Bayar balik pinjaman pekongsi.
4. Menjelaskan hutang bagi baki Akaun Modal dan Akaun Semasa pekongsi.
5. Pemberhentian operasi atau urus niaga perniagaan. Nama perkongsian dibatalkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

LANGKAH 1	Buka satu akaun sementara iaitu Akaun Realisasi <i>(untuk menutup dan menyempurnakan urusan pembubaran apabila berlaku pembubaran sepenuhnya dalam sesuatu perkongsian – untuk merekod semua aset yang dijual atau diambil alih termasuk penerimaan tunai dari jualan aset dan pembayaran pembubaran serta menunjukkan pembahagian kongsi untung atau rugi dalam pembubaran)</i>
LANGKAH 2	Tutup semua akaun aset (kecuali Akaun Tunai atau Bank) dan pindahkan ke Akaun Realisasi Dt Akaun Realisasi Kt Akaun Aset
LANGKAH 3	Jualkan semua aset, perolehan direkod dalam Akaun Realisasi Dt Akaun Bank Kt Akaun Realisasi Jika aset diambil alih oleh pekongsi Dt Akaun Modal Pekongsi Kt Akaun Realisasi
LANGKAH 4	Meminta penghutang menjelaskan hutang Dt Akaun Bank Kt Akaun Realisasi
LANGKAH 5	Menjelaskan perbelanjaan realisasi (kos pembubaran) Dt Akaun Realisasi Kt Akaun Bank
LANGKAH 6	Menjelaskan liabiliti seperti pemiutang dan pinjaman Dt Akaun Pemiutang/Pinjaman Kt Akaun Bank Jika ada diskaun diterima daripada pemiutang (<i>keuntungan kpd perniagaan</i>) Dt Akaun Pemiutang Kt Akaun Realisasi
LANGKAH 7	Imbangkan Akaun Realisasi. Untung rugi realisasi diagihkan kepada pekongsi mengikut nisbah untung rugi. (<i>untuk menentukan sama ada penjualan aset menghasilkan keuntungan atau kerugian</i>) Jika untung realisasi; Dt Akaun Realisasi Kt Akaun Modal Pekongsi
LANGKAH 8	Jika rugi realisasi; Dt Akaun Modal Pekongsi Kt Akaun Realisasi
LANGKAH 9	Pindahkan baki akaun semasa ke akaun modal (akaun semasa perlu ditutup dan dipindahkan ke akaun modal) Dt Akaun Semasa Kt Akaun Modal Bayar balik baki modal kepada pekongsi Dt Akaun Modal Kt Akaun Bank

AKAUN REALISASI			
	RM		RM
Aset	XX	Bank (Jualan Aset)	XX
Bank (Belanja Realisasi)	XX	Bank (Drpd Penghutang)	XX
Untung Realisasi	XX	Modal Pekongsi (ambil alih aset)	XX
		Pemiutang (diskaun diterima)	XX
		Rugi Realisasi	XX
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>
AKAUN MODAL PEKONGSI			
	RM		RM
Realisasi (ambil alih aset)	XX	Baki b/b	XX
Realisasi (rugi realisasi)	XX	Realisasi (untung realisasi)	XX
Bank (byr balik kpd perkongsian)	XX		
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>
AKAUN BANK			
	RM		RM
Baki b/b	XX	Realisasi (belanja realisasi)	XX
Realisasi (jualan aset)	XX	Pemiutang (jelaskan liabiliti)	XX
Realisasi (drpd penghutang)	XX	Pinjaman (jelaskan Liabiliti)	XX
		Modal Pekongsi	XX
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>

Disebabkan oleh:

1. Rugi realisasi yang besar.
2. Nilai asset yang diambil alih terlalu tinggi.
3. Jumlah ambilan yang banyak.
4. Sumbangan modal yang rendah.
5. Baki kredit akaun semasa sedikit / Baki debit akaun semasa besar.

**KURANGAN DALAM
AKAUN MODAL
PEKONGSI**

AKAUN MODAL PEKONGSI			
	RM		RM
Realisasi (ambil alih aset)	XX	Baki b/b	XX
Realisasi (rugi realisasi)	XX	Bank (byr balik kpd perkongsian)	XX
	XX		
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>

Latihan
PEMBUBARAN PERKONGSIAN

Soalan 1

Atikah dan Firzana merupakan rakan kongsi dalam perniagaan Perkongsian FAR yang mematuhi Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961. Atikah ingin bersara pada 1 Julai 2019 dan mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian.

Berikut ialah catatan pembukaan di Jurnal Am yang menunjukkan kedudukan kewangan Perkongsian FAR.

Jurnal Am

Tarikh 2019	Butir	Debit RM	Kredit RM
Julai 1	Lengkapan	9 640	
	Premis	70 000	
	Akaun Belum Terima	18 960	
	Inventori	8 280	
	Sewa Belum Terima	1 000	
	Akaun Semasa Firzana	2 560	
	Bank		3 000
	Susut Nilai Terkumpul Lengkapan		1 440
	Akaun Belum Bayar		2 000
	Akaun Semasa Atikah		4 000
	Modal Atikah		60 000
	Modal Firzana		40 000
	(Merekod aset, liabiliti dan ekuiti pada tarikh ini)	110 440	110 440

Perkara-perkara yang berikut berlaku semasa pembubaran perniagaan:

- (i) Hutang lapuk RM960, baki Akaun Belum Terima dikutip setelah diberi diskaun 2%.
- (ii) Sewa belum terima bulan Jun diterima dengan tunai.
- (iii) Firzana mengambil alih semua aset dengan harga RM98 000.
- (iv) Baki Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya dengan amaun RM1 920.
- (v) Semua bil utiliti Julai berjumlah RM720 dibayar oleh Firzana.
- (vi) Baki Akaun Semasa pekongsi dipindahkan ke Akaun Modal pekongsi.
- (vii) Mana-mana pekongsi yang mengalami kekurangan modal hendaklah membawa masuk wang ke bank untuk menampung kekurangan modalnya.
- (viii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Pekongsi
- (c) Akaun Bank

*Jawapan :a) Ak.Realisasi: Atikah RM4 780, Firzana RM4 780
b) Ak. Modal: Atikah RM68 780(dt), Firzana RM55 060*

Soalan 2

Puan Syakira, Puan Erni dan Encik Akhtar merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Sepakat yang menjalankan perniagaan produk kecantikan. Kongsi untung atau rugi perniagaan ini telah dipersetujui dengan nisbah 2:1:1. Pada 30 Jun 2019 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan (kos)	50 000
Alatan pejabat (kos)	15 000
Inventori	40 500
Akaun belum terima	10 800
Bank	6 200
Pinjaman Syakira	10 000
Akaun Belum Bayar	10 650
Akaun Modal Syakira	40 000
Akaun Modal Erni	20 000
Akaun Modal Akhtar	20 000
Akaun Semasa Syakira	18 850
Akaun Semasa Erni	3 400
Akaun Semasa Akhtar	(400)

Perkara-perkara yang berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Inventori dijual pada harga RM38 000.
- (ii) Kenderaan diambil alih oleh Puan Syakira dengan nilai 80% dari harga kos, manakala alatan pejabat diambil alih oleh Encik Akhtar dengan nilai RM9 800.
- (iii) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM10 260.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya RM10 090.
- (v) Belanja guaman RM800 ditanggung oleh Puan Erni.
- (vi) Pinjaman daripada Puan Syakira dibayar balik sepenuhnya dan faedah atas pinjaman 10% setahun masih belum dijelaskan.
- (vii) Kadar bayaran RM300 masih belum dibayar.
- (viii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Pekongsi
- (c) Akaun Bank
- (d) Akaun Belum Bayar

*Jawapan : a) Ak. Realisasi : Syakira RM9 640, Erni RM4 820, Akhtar RM4 820
b) Ak. Modal : Syakira RM9 710, Erni RM19 380, Akhtar RM4 980*

Soalan 3

Husna, Hana dan Hanis merupakan pekongsi bagi Perkongsian Triple H yang membahagikan untung rugi mengikut nisbah 3:2:1. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 30 April 2019. Pada tarikh pembubaran, aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	20 000	
Perabot	5 400	
Bank	2 300	
Inventori Akhir	4 200	
Akaun Belum Terima	5 300	
Akaun Belum Bayar		15 770
Modal Husna		8 000
Modal Hana		6 000
Modal Hanis		3 000
Akaun Semasa Husna		1 850
Akaun Semasa Hana		2 160
Akaun Semasa Hanis		420

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori dijual dengan harga RM3 000 dan perabot diambil alih oleh Hana pada nilai RM3 600.
- (ii) Husna telah mengambil alih kenderaan dengan harga RM12 600. Beliau akan membawa masuk wang tunai sekiranya terdapat kekurangan dalam Akaun Modalnya.
- (iii) Semua hutang dapat dikutip kecuali RM1 000 dianggap sebagai hutang lapuk.
- (iv) Belanja pembubaran dijelaskan sebanyak RM480.
- (v) Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan potongan RM300 daripada jumlah hutang.
- (vi) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Pekongsi
- (c) Akaun Bank
- (d) Akaun Belum Bayar
- (e) Akaun Belum Terima

*Jawapan : a) Ak. Realisasi : Husna RM5 790, Hana RM3 860, Hanis RM1 930
b) Ak. Bank : Husna RM8 540(dt), Hana RM 700, Hanis RM1 470*

Soalan 4

Zara Collections merupakan sebuah perniagaan perkongsian yang terlibat dalam pengedaran barang-barang hiasan dalaman di Bandar Mahkota. Perniagaan ini dimiliki oleh Puan Zahara dan Encik Rashid yang berkongsi untung rugi mengikut nisbah 2:1.

Pada 1 Julai 2018, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan. Kedudukan kewangan pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kenderaan	40 000
Alatan Pejabat	12 000
Inventori	9 800
Akaun Belum Terima	5 500
Akaun Belum Bayar	8 200
Bank	2 390
Akaun Modal:	
Zahara	40 000
Rashid	20 000
Akaun Semasa:	
Zahara	820
Rashid	670

Perkara-perkara berikut telah berlaku semasa pembubaran:

- (i) Alatan pejabat dan inventori dijual dengan harga RM18 000.
- (ii) Kutipan daripada Akaun Belum Terima RM5 200.
- (iii) Kenderaan diambil alih oleh Encik Rashid dengan harga RM35 000.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya RM7 800.
- (v) Belanja realisasi RM300.
- (vi) Mana-mana pekongsi yang mengalami kekurangan modal perlu membawa masuk wang ke bank.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Pekongsi
- (c) Akaun Bank

*Jawapan : a) Ak. Realisasi : Zahara RM 600, Rashid RM3 000
b) Ak. Modal : Zahara RM34 820(dt), Rashid RM17 330(kt)*

Soalan 5

Umar dan Hadif merupakan pekongsi dalam Perniagaan UMIF yang membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah modal awal. Oleh kerana Hadif ingin berpindah ke luar negara, mereka bersetuju membubarkan perniagaan pada 1 Ogos 2019.

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan perniagaan:

	RM	RM
Kenderaan	50 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	10 000	
	<hr/>	40 000
Lengkapan	48 000	
Susut Nilai Terkumpul Lengkapan	9 600	
	<hr/>	38 400
Inventori akhir		20 700
Akaun Belum Terima		5 500
Akaun Belum Bayar		3 000
Tunai di tangan		400
Overdraf bank		2 000
Modal Umar	60 000	
Modal Hadif	40 000	
	<hr/>	100 000

Perkara-perkara yang berikut berlaku semasa pembubaran perniagaan:

- (i) Kenderaan diambil alih oleh Hadif pada harga RM30 000.
- (ii) Aset berikut direalisasi:

Lengkapan	RM32 000
Inventori	RM18 000
- (iii) Sejumlah RM5 000 dapat dikutip dari baki Akaun Belum Terima.
- (iv) Baki Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya dengan cek RM2 700.
- (v) Kos pembubaran RM600 dijelaskan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Tunai
- (b) Akaun Belum Bayar
- (c) Akaun Realisasi

Jawapan : a) Ak. Tunai RM 400, b) Ak. Belum Bayar RM 300
c) Ak. Realisasi : Umar RM11 940, Hadif RM7960

Soalan 6

Nur Farahin dan Nur Sarah ialah pekongsi dalam Perkongsian FASA yang membahagikan keuntungan dan kerugian secara sama rata. Mereka telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 1 Julai 2019.

Kedudukan kewangan perkongsian mereka pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut:

	RM
Premis	100 000
Lengkapan	10 800
Inventori	32 200
Akaun Belum Terima	5 900
Bank	10 300
Akaun Belum Bayar	9 200
Modal Farahin	75 000
Modal Sarah	75 000

Perkara-perkara yang berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Premis,engkapan dan inventori dijual dengan harga RM160 000.
- (ii) Semua hutang dapat dikutip kecuali baki seorang Akaun Belum Terima RM900 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Belanja realisasi RM1 000.
- (iv) Sekeping bil elektrik yang belum dijelaskan bernilai RM350 telah dijumpai dan dibayar oleh Farahin.
- (v) Semua liabiliti dijelaskan sepenuhnya.
- (vi) Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Pekongsi (dalam bentuk beruangan)

*Jawapan : a) Ak. Realisasi : Farahin RM7 375, Sarah RM7 375
b) Ak. Modal : Farahin RM82 725, RM82 375*

Syarikat Berhad

**Disediakan oleh : Cikgu Myzatul Akmam Hamsatun
SMK Adela, Kota Tinggi**

**Disemak oleh : Cikgu Salrafiahhasliza Binti Salih
SMK Simpang Rengam, Kluang**

PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Menyumbang modal dan diberi syer
Tertakluk Akta Syarikat 2016



Carian nama dan Permohonan Nama

Tatacara Penubuhan
Syarikat Berhad mengikut
Akta Syarikat 2016

Menyerah simpan permohonan
pemerbadanan syarikat



Membayar fi pendaftaran

Menerima Notis Permerbadanan

Entiti Berasingan
Pemilik & organisasi
perniagaan terasing

Liabiliti Terhad
Tanggungannya setiap ahli
terhadap jumlah syer
yang dimiliki

Hayat Berterusan
Terus beroperasi
walaupun pemegang
syer meninggal dunia
/ menarik diri



Pengasingan Fungsi Pemilikan & Fungsi Pengurusan
Hanya Lembaga yang membentuk
polisi syarikat & melantik pengurusan
syarikat

Syarikat Persendirian	Ciri-ciri	Syarikat Awam
Minimum 1-50 orang	1. Bilangan Ahli	Minimum 1 orang Maksimum tiada had
Minimum seorang	2. Bilangan pengarah	Minimum 2 orang
Individu, persatuan & entiti perniagaan	3. Pemilikan syer	Individu, persatuan & entiti perniagaan
Syer tidak boleh dipindah milik	4. Pindah milik syer	Syer bebas pindah milik
Tidak boleh disenaraikan di Bursa Malaysia	5. Status syer	Syer boleh disenaraikan dan diniagakan di Bursa Malaysia
Penyata kewangan perlu diedar	6. Laporan Kewangan	Dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat



Syer Biasa



**JENIS
MODAL SYER**



Syer Keutamaan

Syer Biasa	Ciri-ciri	Syer keutamaan
Dividen tidak tetap	Kadar dividen	Dividen tetap
Dividen dibayar sekiranya ada lebihan daripada syer keutamaan dibayar	Keutamaan pembayaran dividen	Menerima dividen terlebih dahulu
Berhak mengundi Lembaga Pengarah	Hak mengundi	Tidak berhak mengundi
Tuntutan modal boleh dibuat setelah syer keutamaan dan liabiliti diselesaikan	Tuntutan atas aset syarikat semasa pembubaran	Berhak mendapatkan tuntutan modal
Tiada tunggakan dividen	Tunggakan dividen	Tunggakan dividen hendaklah diberi sekiranya syarikat mengalami kerugian pada tahun sebelumnya.

JENIS MODAL SYER

Syer Biasa

Syer Keutamaan

Modal Diterbitkan & Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan x Harga Sesyer

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

1) Apabila Syer diterbitkan

Dt Permohonan Syer

Kt Modal syer

2) Apabila wang diterima dan dibankkan


Dt Bank

Kt Permohonan Syer

3) Apabila berlaku lebihan langganan

Dt Permohonan Syer

Kt Bank



Dividen Interim

Dividen dibayar **sebelum**

- 1) tempoh perakaunan berakhir
- 2) keuntungan sebenar

Dividen Tunai

Keuntungan diagih dalam

- 1) % peratus
- 2) sen sesyer

Dividen Akhir

Dividen dibayar **selepas**

- 1) tempoh perakaunan berakhir
- 2) keuntungan sebenar

Latihan

PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Soalan 1

Berikut adalah maklumat berkaitan dengan Syer Biasa Syarikat Mawar Berhad. Semua syer yang diterbitkan telah dibayar penuh.

Unit diterbitkan	Nilai Sesyer
950 500 unit	RM0.50

Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Biasa.

Jawapan : Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh RM475 250

Soalan 2

Apakah catatan bergu bagi urus niaga berikut.

Lembaga Pengarah Syarikat Elmo Berhad memerlukan modal tambahan dengan membuat terbitan syer kali kedua. Pada 3 Ogos 2021, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Jawapan: Dt Permohonan Syer Biasa RM1 000 000, Kt Modal Syer Biasa RM1 000 000

Soalan 3

Syarikat Bagus Berhad menjalankan perniagaan membekalkan peralatan sukan. Syarikat memerlukan modal untuk mengembangkan perniagaan. Pada 1 November 2020, Syarikat Bagus Berhad telah menerbitkan 6 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Pada 20 November 2020 telah menerbitkan 1 500 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam. Pada 30 November 2020, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Oleh kerana prestasi amat menggalakkan, Pada 30 April 2021, syarikat telah mengisytiharkan bayaran dividen interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan sebanyak 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Pada 31 Oktober 2021, syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 8% selepas keuntungan syarikat diumumkan.

Anda dikehendaki :

- a) Menghitung:
 - i) Modal Diterbitkan Dan Berbayar Penuh.
 - ii) Dividen Interim Syer Biasa
 - iii) Dividen Interim 8% Syer Keutamaan
 - iv) Dividen Akhir 8% Syer Keutamaan

- b) Merekod:
- i) Akaun Permohonan Syer Biasa
 - ii) Akaun Permohonan Syer 8% Syer Keutamaan
 - iii) Akaun Modal Syer Biasa
 - iv) Akaun Modal 8% Syer Keutamaan

*Jawapan: Modal Diterbitkan & Berbayar Penuh RM12 000 000,
Div. Interim Syer Biasa RM450 000
Div. Interim Syer Keutamaan RM100 000
Div. Akhir Syer Keutamaan RM120 000,
Dt Ak Permohonan Syer Biasa RM9 000 000, Dt Permohonan Syer 8% Keutamaan RM3 000 000
Kt Akaun Modal Syer Biasa RM9 000 000, Kt Akaun Modal 8% Syer Keutamaan RM3 000 000*

Soalan 4

Pada 1 November 2020, Syarikat Melia Berhad mempunyai modal diterbitkan yang terdiri daripada 600 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Syarikat telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan dividen berkadar 4% kepada pemegang Syer Biasa. Bayaran dibuat pada 31 Mac 2021.

Pada 1 Jun 2021, Syarikat telah mengumumkan terbitan kedua 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 30 Jun 2021.

Pada 31 Oktober 2021, syarikat telah memperolehi untung bersih sebanyak RM550 000. Lembaga Pengarah Syarikat telah mengisytiharkan pembayaran Dividen Akhir atas Syer Keutamaan dan Dividen Akhir sebanyak 9% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki :

- a) Merekod terbitan syer biasa ke dalam Jurnal Am
- b) Menghitung Dividen Interim
- c) Menghitung Dividen Akhir
- d) Pada 1 November 2020, Miza memegang 5 000 unit syer biasa, berapakah jumlah dividen yang diterima oleh Miza bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2021.
- e) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2021.

*Jawapan: Dt Permohonan Syer Biasa, Kt Modal Syer Biasa, Dt Bank, Kt Permohonan Syer Biasa,
Div. Interim Syer Keutamaan RM40 000, Div. Interim Syer Keutamaan RM40 000,
Div. Akhir Syer Keutamaan RM56 000, Div. Akhir Syer Biasa RM225 000,
Div. yang diterima Miza RM650*

Soalan 5

Maklumat berikut diambil daripada buku Sejati Berhad

Modal pada 1 Julai 2020

2 000 000 unit 7% Syer Keutamaan RM2 000 000

3 000 000 unit Syer Biasa RM1 500 000

Pada 20 September 2020, syarikat menerbitkan 1 000 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 September 2020.

Syarikat telah membayar Dividen Interim untuk Syer Keutamaan pada 31 Disember 2020. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2021, syarikat mengisytiharkan Dividen Akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5% Dividen Akhir kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki :

- a) Menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh untuk terbitan syer pada 20 September 2020.
- b) Menghitung Dividen Interim Syer Keutamaan
- c) Menghitung Dividen Akhir
- d) Menyatakan tiga ciri Syer Keutamaan

*Jawapan: Modal Diterbitkan Dan Berbayar Penuh RM1 400 000,
Dividen Interim Syer Keutamaan RM92 500,
Dividen Akhir RM210 000,*

Soalan 6

Maklumat berikut dipetik daripada buku Jauhari Berhad pada 1 Ogos 2020.

Modal Diterbitkan Dan Berbayar Penuh

250 000 unit 8% Syer Keutamaan RM500 000

2 000 000 unit Syer Biasa RM2 000 000

Pada 10 Oktober 2020, syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 7% Syer Keutamaan pada harga RM2 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan berbayar penuh pada 28 Oktober 2020.

Pada 31 Julai 2021, syarikat mengisytiharkan dividen akhir seperti berikut :

- i. Syer Keutamaan
- ii. Syer Biasa 1 sen seunit

Anda dikehendaki :

- a) Menyediakan catatan dalam Jurnal Am untuk terbitan Syer Keutamaan.
(keterangan jurnal am tidak diperlukan)
- b) Menghitung :
 - i) Dividen Syer Keutamaan
 - ii) Dividen Syer Biasa
- c) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021.
(bahagian Ekuiti Pemilik sahaja)

*Jawapan: Dt Permohonan Syer Keutamaan RM400 000, Kt Modal Syer Keutamaan RM400 000,
Dt Bank RM400 000, Kt Permohonan Syer Keutamaan RM400 000,
Div. Syer Keutamaan RM6 1000, Div. Syer Biasa RM20 000*

Kelab dan Persatuan

Disediakan oleh : Tn Hj Norman Bin Naim
SMK Dato Syed Esa, Batu Pahat

Disemak oleh : Cikgu Mohamad Hafis Bin Tukimin
SMK Suria Perdana, Batu Pahat

PERAKAUNAN KELAB DAN PERSATUAN

Jenis belanja dan pendapatan

- i. Belanja hasil : Bayaran untuk pengurusan dan pentadbiran seperti sewa, Kadar bayaran, insurans, penyelenggaraan dan susut nilai aset bukan semasa.
- ii. Belanja modal : Bayaran untuk membeli atau membina aset bukan semasa seperti gelanggang, alatan sukan, bangunan dan perkhidmatan guaman belian bangunan.
- iii. Pendapatan hasil : Pendapatan yang diterima dari aktiviti biasa seperti yuran, derma tunai, faedah, dividen dan sewaan.
- iv. Pendapatan modal : Pendapatan yang diterima dari bukan aktiviti biasa seperti jualan aset bukan semasa dan derma untuk belian atau binaan aset bukan semasa.

Akaun Yuran Ahli

Yuran Belum Terima (Awal)	x	Yuran Belum Terperoleh (Awal)	x
Pendapatan dan Perbelanjaan	x	Bank @ Penerimaan dan Pembayaran	x
Yuran Belum Terperoleh (Akhir)	x	Yuran Lapuk	x
		Yuran Belum Terima(Akhir)	x
	<u>xx</u>		<u>xx</u>

Akaun Penerimaan dan Pembayaran (Seperti Akaun Tunai/Bank)

Semua Wang masuk/Penerimaan	x	Semua Wang keluar/Pembayaran	x
		Baki h/b	x
	<u>xx</u>		<u>xx</u>
Baki b/b	x		

Akaun Perdagangan XYZ

Inventori Awal	x	Jualan	x
Belian	x	- Pulangan Jualan	x
- Pulangan Belian	x		
	<u>x</u>		
- Inventori Akhir	x		
+ Upah @ perbelanjaan kedai	x		
Kos Jualan	x		
Untung XYZ	x		
	<u>xx</u>		<u>xx</u>

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Semua belanja termasuk susutnilai dan yuran lapuk (kecuali belian aset bukan semasa)	x	Semua hasil termasuk Untung XYZ (kecuali pendapatan modal seperti derma untuk belian aset bukan semasa)	x
Lebihan (hasil >belanja)	x	Kurangan (belanja > hasil)	x
	xx		xx

Penyata Kedudukan Kewangan

	Dana Terkumpul:
	Dana Terkumpul Awal
	+ Lebihan (– Kurangan)
	+ Pendapatan Modal
	Dana Terkumpul Akhir

Latihan

PERAKAUNAN KELAB DAN PERSATUAN

Soalan 1

Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Skuasy Batu Pahat bagi tahun berakhir 31 Mei 2020.

Aset dan liabiliti pada 1 Jun 2019	RM
Bangunan kelab (kos)	50 000
Peralatan skuasy	42 000
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	10 000
Belanja Am Prabayar	180
Yuran Belum Terima	1 250
Inventori minuman	525
Tunai di bank	835
Upah pekerja minuman Belum Bayar	450
Akaun Belum Bayar minuman	125
Yuran Belum Terperoleh	1 000

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab sehingga tahun berakhir 31 Mei 2020:

Penerimaan:	RM
Yuran Ahli	29 130
Jualan minuman	18 644
Derma untuk pembesaran bangunan kelab	30 000

Pembayaran:	
Belian minuman	6 840
Upah pekerja minuman	4 300
Belian peralatan skuasy	5 000
Belanja membaiki peralatan skuasy	2 640
Membaiki bangunan kelab	1 750
Pembesaran bangunan kelab	48 500
Belanja Am	4200

Maklumat tambahan:

- i) Kelab mempunyai 120 orang ahli. Yuran bulanan sebanyak RM20 seorang. Yuran 6 orang ahli bagi bulan Mei 2019 tidak dapat dikutip dianggap sebagai lapuk. 15 orang belum menjelaskan yuran bulan Mei 2019 manakala 25 orang telah menjelaskan yuran bulan Jun 2019.
- ii) Belanja am RM4 200 adalah termasuk kadar bayaran minuman berjumlah RM1 350.

- iii) Susut nilai bangunan dikira menggunakan kaedah garis lurus 5% setahun.
 iv) Baki-baki aset dan liabiliti pada 31 Mei 2020:

	RM
Belanja am prabayar	165
Inventori minuman	575
Upah pekerja minuman Belum Bayar	465
Akaun Belum Bayar minuman	68
Peralatan skuasy	40 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli
 (b) Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Mei 2020
 (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2020
 (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020 dengan menunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja.

*Jawapan : (a) PP RM28,880 (b) Utg RM6,132 (c) Lebihan RM15,482
 (d) Dana Terkumpul Akhir M128,697*

Soalan 2

Golf dan Country Perkasa Club merupakan sebuah kelab yang menawarkan perkhidmatan kepada ahli dan bukan ahli. Ahli kelab terdiri dari 2 kategori iaitu :

- (i) kategori super - ahli yang menjelaskan yuran setiap tahun dan
 (ii) kategori perdana - ahli yang membayar yuran untuk 10 tahun.

Kedua-dua jenis ahli boleh menggunakan semua kemudahan sukan yang disediakan tanpa membuat bayaran tambahan.

Orang ramai yang hendak menggunakan kemudahan sukan yang disediakan boleh membuat bayaran setiap kali datang ke kelab. Kedua-dua ahli dan bukan ahli boleh menggunakan restoran yang disediakan. Restoran dibuka untuk memberi kemudahan kepada ahli dan boleh menampung operasi kelab. Kelab telah ditubuhkan 4 tahun yang lalu.

Tahun Berakhir 31 Disember	Yuran untuk 10 tahun (RM)	Bilangan ahli kategori perdana
2017	1 200	20
2018	1 200	30
2019	1 200	20
2020	1 200	50

Bagi kategori perdana, 1/10 daripada jumlah bayaran yuran diambil kira dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan. Bagi kategori super, yuran tahunan adalah sebanyak RM150 dan akan dinaikkan sebanyak 10% setiap 5 tahun.

Berikut ialah Akaun Penerimaan dan Pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	RM		RM
Baki awal tunai dan bank	9 270	Belian makanan restoran	75 055
Jualan restoran	150 550	Belian peralatan kelab	30 000
Yuran ahli kategori perdana	60 000	Gaji pekerja restoran	48 220
Yuran ahli kategori super	18 750	Cetakan dan alat tulis	3 230
Bayaran bukan ahli	23 600	Gaji pengurus kelab	15 000
		Belanja telefon	1 210
		Kadar bayaran	12 000
		Insurans	12 000
		Baki akhir tunai dan bank	65 395

Maklumat tambahan:

i.

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Premis (sewa pajak untuk 10 tahun bermula 1 Januari 2011)	140 000	125 000
Peralatan kelab	69 600	83 160
Inventori restoran	2 940	4 210
Akaun Belum Bayar restoran	1 080	1 520
Inventori alat tulis	50	110

ii. 10% daripada kadar bayaran adalah untuk restoran.

iii. Tiada peralatan yang dilupuskan sepanjang tahun tersebut.

Anda dikehendaki ;

- a. menghitung bilangan ahli kelab mengikut kategori pada tahun 2020.
- b. menyediakan Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2020.
- c. menyediakan Akaun Perdagangan Restoran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.
- d. menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Jawapan : (a) 245 org (b) RM153,580 (c) Utg RM26,905 (d) Lebihan RM9,975

Soalan 3

Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kelab Rekreasi Republik bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2020 adalah seperti berikut:

	RM
Alatan sukan	11 600
Inventori T-shirt	225
Akaun Belum Bayar T-shirt	170
Akaun Belum Terima T-shirt	110
Yuran Belum Terima	240
Yuran Belum Terperoleh	100
Akhbar dan majalah Belum Bayar	50
Tunai di bank	5 560

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2020:

Penerimaan	RM
Yuran masuk	230
Yuran ahli 2019	100
Yuran ahli 2020	5 220
Yuran ahli 2021	120
Derma	12 000
Akaun Belum Terima T-shirt	980
Jualan T-shirt	11 100
Pembayaran	
Akaun Belum Bayar T-shirt	1 120
Belian T-shirt	5 660
Upah gerai T-shirt	670
Kadar bayaran	790
Alatan sukan	1 000
Insurans	4 800
Akhbar dan majalah	130
Alat tulis	90

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2020:

- i) Inventori:

Alat tulis	RM30
T-shirt	RM170
- ii) Semua alatan sukan disusutnilai pada kadar 10% setahun atas kos.
- iii) Derma yang diterima adalah untuk mengubahsuai gimnasium.

- iv) Yuran belum terima sebanyak RM60
- v) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai penerimaan hasil.
- vi) Yuran belum terima tahun 2020 yang gagal dikutip dianggap sebagai lapuk.
- vii) Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima T-shirt ialah RM130 dan RM170.

Anda dikehendaki:

- a) mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2020
- b) menyediakan:
 - i) Akaun Yuran
 - ii) Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar
 - iii) Akaun Perdagangan T-shirt 31 Disember 2020
 - iv) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan pada 31 Disember 2020
 - v) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (bentuk penyata)

*Jawapan : (a) RM16,255 (b) (i) PP RM5,380 (ii) Jualan RM1,040, Belian RM1,080
(iii) Utg RM4,675 (iv) Lebihan RM3,115 (v) PKK RM31,410*

Soalan 4

Kelab Basikal Kota mempunyai ahli seramai 300 orang dan mengenakan yuran tahunan RM30 seorang. Pada tahun semasa, jumlah yuran yang diterima adalah RM8 700 termasuk yuran 5 orang ahli yang masih belum bayar pada tahun lepas dan 10 orang ahli yang telah membayar yuran bagi tahun hadapan.

Berikut adalah maklumat berkaitan kelab tersebut:

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Premis (Kos)	70 000	?
Alatan Basikal (Kos)	9 800	?
Akaun Belum Bayar	1 500	2 300
Bank	28 650	?
Inventori Alat Tulis	100	40
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	90
Inventori Kafe	1 000	650
Susut nilai terkumpul Alatan Basikal	980	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran pertandingan basikal	1 350	Akaun Belum Bayar	11 200
Yuran ahli	8 700	Kadar bayaran	1 850
Jualan kafe	19 000	Insurans	500
		Kos ubahsuai premis	35 000
		Alat tulis	50
		Hadiah pertandingan basikal	890
		Upah pekerja kafe	1 200
		Belanja Am	350

Maklumat tambahan:

- Alatan Basikal disusutnilaikan 10% setahun atas nilai buku.
- Pada 31 Disember 2020, kelab telah menerima 10 set basikal yang didermakan oleh Datuk A'idz. Harga satu set alatan basikal tersebut adalah RM1 500.

Anda dikehendaki menyediakan :

- Akaun Yuran
- Akaun Perdagangan kafe bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020
(bahagian Dana Terkumpul)

Jawapan : (a) PP RM9,000 (b) Utg RM5,450 (c) Lebihan RM11,1030 (d) PKK RM133,100

Soalan 5

Maklumat yang berikut diambil dari rekod Kelab Remaja Batu Pahat.

Baki pada 1 Januari 2020 :

	RM
Bank	25 200
Akhbar dan majalah Belum Bayar	240
Peralatan sukan	24 700
Yuran Belum Terima	500
Yuran Belum Terperoleh	840
Premis kelab	160 000
Penerimaan sepanjang tahun :	
Yuran 2019	500
Yuran 2020	48 600
Yuran 2021	3 200
Yuran masuk	1 424
Sewa dewan	2 000
Kutipan Perlawanan Boling	3 860
Peralatan sukan	1 000
Pembayaran sepanjang tahun :	
Alat Tulis	220
Akhbar dan majalah	740
Peralatan sukan	2 800
Penyelenggaraan premis kelab	3 000
Hadiah Perlawanan Boling	460
Minuman dan makanan perlawanan boling	800
Cenderahati pengadil perlawanan boling	360
Honorarium	5 600
Belanja Am	1 920
Insurans	400
Derma kepada NGO	10 600

Maklumat tambahan :

- i. Yuran masuk sebagai penerimaan modal.
- ii. Yuran yang masih belum terima pada 31 Disember 2020 adalah RM800.
- iii. Peralatan Sukan disusut pada 31 Disember 2020 berjumlah RM23 850.
- iv. Akhbar dan majalah masih belum bayar pada 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM440.
- v. Belanja am kelab termasuk bayaran untuk menyewa tapak Perlawanan Boling berjumlah RM960.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- b) Akaun Yuran
- c) Penyata mengira untung atau rugi Perlawanan Boling
- d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (tunjukkan komponen Dana Terkumpul sahaja)

*Jawapan : (a) h/b RM58,884 (b) PP RM50,240 (c) Utg RM1,280 (d) Lebihan RM29,150
(e)PKK RM 239,894*

Soalan 6

Kelab Budaya Batu Pahat adalah sebuah kelab yang memberi latihan dan kemahiran menggunakan pelbagai alatan muzik tradisional dan moden kepada ahli-ahlinya. Kelab berkenaan juga membuka kedai menjual alatan muzik tradisional dan moden untuk menambahkan sumber kewangan kelabnya.

Berikut ialah aset, liabiliti dan dana terkumpul kelab pada 1 April 2019 :

	RM
Premis	85 000
Alatan muzik kelab (kos RM 50 000)	40 000
Inventori kedai	12 230
Yuran Belum Terima	1 200
Akaun belum bayar kedai	5 330
Tunai di bank	(1 990)
Dana Terkumpul	131 110

Ringkasan penerimaan dan pembayaran untuk kelab bagi tahun berakhir 31 Mac 2020 adalah seperti berikut :

Penerimaan:	RM	RM
Yuran pendaftaran	1 200	
Yuran ahli:		
Berakhir 31 Mac 2018	900	
Berakhir 31 Mac 2019	16 000	
Berakhir 31 Mac 2020	<u>2 800</u>	19 700
Jualan tiket Jamuan Tahunan		22 550
Jualan alatan muzik (pada 31 Mac 2020)		3 060
Jualan kedai		120 600
Sumbangan		15 000
Jumlah Penerimaan		182 110
Pembayaran:		
Kos makanan dan minuman Jamuan Tahunan		19 760
Gaji dan Upah		57 800
Honorarium		1 360
Utiliti		2 280
Belanja penyelenggaraan alatan muzik		2 470
Akaun belum bayar alatan muzik		77 140
Faedah overdraf		199
Jumlah Pembayaran		161 009

Maklumat tambahan:

- i) Inventori kedai pada 31 Mac 2020 RM17 900 dan Akaun belum bayar kedai RM 8 700.
- ii) Yuran yang belum terima melebihi satu tahun dianggap sebagai yuran lapuk.
- iii) Yuran yang masih belum terima pada 31 Mac 2020 berjumlah RM 480.
- iv) Bayaran gaji dan upah terdiri: Gaji pekerja kedai RM4 800, upah pekerja jamuan tahunan RM3 100 dan gaji guru muzik dan pekerja am kelab
- v) Kos alatan muzik yang dijual adalah RM6 000 dan nilai bukunya pada masa jual ialah RM4 860. Semua alatan muzik hendaklah disusut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- vi) Sumbangan yang diterima akan memperuntukkan RM10 000 membina bilik muzik kelab.
- vii) Caj pengangkutan ke atas penghantaran oleh pembekal kedai bernilai RM690.

Anda dikehendaki menyediakan:


- a) Akaun Yuran ahli.
- b) Akaun Kawalan Belum Bayar.
- c) Akaun Perdagangan Kedai Alatan Muzik bagi tahun berakhir 31 Mac 2020
- d) Penyata untung atau rugi Jamaun Tahunan
- e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2020
- f) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020.

*Jawapan : (a) PP RM16,480 (b) Belian RM79,820 (c) Utg RM40,960 (d) Rugi RM310
(e) Lebihan RM1,020 (f) PKK RM142,131*

Akaun Pengeluaran

**Disediakan oleh : Cikgu Rashidah Bt Yunos
SMK Sri Kukup, Pontian**

**Disemak oleh : Cikgu Iswani Bt Mohd Sanip
SMK Seri Pinang, Kulai**



BUTIR	FORMULA
KOS PENGELUARAN	Kos Prima + Kos Overhead
KOS TETAP SEUNIT	$\frac{\text{Jumlah kos tetap}}{\text{Bilangan unit pengeluaran}}$
KOS BERUBAH SEUNIT	$\frac{\text{Jumlah kos berubah}}{\text{Bilangan unit pengeluaran}}$ Atau $\frac{\text{Perubahan jumlah kos berubah}}{\text{Perubahan unit pengeluaran}}$
KOS BAHAN LANGSUNG	Inv. awal bahan langsung + belian bahan langsung + kos-kos yang melibatkan belian bahan langsung – inv. akhir bahan langsung
KOS BURUH LANGSUNG	Upah langsung /gaji kilang
KOS PRIMA	Kos bahan langsung + kos buruh langsung + kos belanja langsung (royalti /cap dagangan)
KOS OVERHEAD	Cth : sewa kilang, susut nilai mesin, insuran bangunan kilang + kos buruh tak langsung cth : gaji penyelia kilang dan gaji pengurus kilang + bahan tak langsung cth belanja alat-alat kecil
KOS PENGELUARAN TANPA KERJA DALAM PROSES	Kos bahan langsung + kos buruh langsung + kos belanja langsung + kos overhead
KOS PENGELUARAN DENGAN KERJA DALAM PROSES	Kos bahan langsung + kos buruh langsung + kos belanja langsung + kos overhead + kerja dalam proses awal – kerja dalam proses akhir

- Kerja dalam proses = barang langsung yang diproses tetapi masih belum menjadi barang siap / barang separuh siap.

- **Format Penyata Pengeluaran**

(a) **Kerja dalam proses diberi satu nilai**

Nama Perniagaan	
Akaun Pengeluaran Bagi Tahun Berakhir	
<u>Kos bahan langsung</u>	
Inventori awal bahan langsung	XXX
Belian bahan langsung	XX
- Pulangan bahan langsung	X
	XX
+ Angkutan masuk bahan langsung	X
Duti import bahan langsung	X
	XXX
	XXX
- Inventori akhir bahan langsung	X
Kos bahan langsung digunakan	XXX
<u>+ Kos Buruh Langsung</u>	
Gaji / upah buruh langsung	X
Gaji operator pengeluaran	X
	XXX
<u>+ Kos Belanja Langsung</u>	
Paten	X
Royalti	X XXX
	XXX
Kos Prima	XXX
<u>+ Kos Overhed</u>	
Gaji tak langsung	X
Belanja susut nilai mesin dan loji	X
Belanja alat-alat kecil (awal + beli – akhir)	X
Sewa kilang	X
Kadar bayaran kilang	X
	XXX
Kos overhed	XXX
+ <i>Kerja dalam proses awal</i>	X
	XX
- <i>Kerja dalam proses akhir</i>	X
Kos Pengeluaran	XXX

(b) Kerja dalam proses dipecah mengikut komponen kos

Nama Perniagaan
Akaun Pengeluaran Bagi Tahun Berakhir

<u>Kos bahan langsung</u>			
Inventori awal bahan langsung			10
<i>Kerja dalam proses awal bahan langsung</i>			10
			20
+ belian bahan langsung		5	
- Pulangan bahan langsung		1	
		4	
+ Angkutan bahan langsung		5	
Duti bahan langsung		2	
			11
			31
- <i>Kerja dalam proses akhir</i>		5	
- inventori akhir bahan langsung		5	
			10
Kos bahan langsung digunakan			21
<u>+ Kos Buruh Langsung</u>			
<i>Kerja dalam proses awal buruh langsung</i>		10	
Gaji buruh langsung		10	
		20	
- <i>Kerja dalam proses akhir buruh langsung</i>		10	
			10
			31
<u>+ Kos Belanja Langsung</u>			
Royalti		10	
Paten		10	20
Kos Prima			51
<u>+ Kos Overhed</u>			
Gaji tak langsung		5	
Belanja susut nilai mesin dan loji		5	
Susut nilai alat kecil (awal + beli – akhir)		5	
Sewa kilang		5	
Kadar bayaran kilang		5	
		25	
+ <i>Kerja dalam proses awal</i>		5	
		30	
- <i>Kerja dalam proses akhir</i>		10	
Kos overhed			20
Kos Pengeluaran			71

Soalan 1

Butiran berikut diambil daripada rekod perakaunan Syarikat Intan Sdn Bhd, sebuah kilang elektronik pada 30 Jun 2020.

	<u>1 Julai 2019</u>	<u>30 Jun 2020</u>
	RM('000)	RM('000)
Inventori bahan langsung	22	18
Kerja dalam proses		
Bahan langsung	72	68
Kos buruh	60	52
Kos overhead	51	66
Inventori barang siap	175	160
Inventori alat tulis	2	6
Pulangan keluar		6
Belanja langsung		200
Gaji pentadbir kilang		46
Gaji pengurus pemasaran		350
Belanja am		45
Jualan barang siap		4 680
Sewa bangunan		46
Insurans kilang		16
Kadar bayaran		18
Upah buruh langsung		240
Angkutan belian		50
Belian bahan langsung		2 180
Belian alat tulis		16
Loji dan mesin		1 800
Susut nilai terkumpul loji dan mesin		360
Kenderaan kedai		45
Susut nilai terkumpul kenderaan kedai		9

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2020:

- (i) Kenderaan disusut nilai 20% setahun atas kos.
- (ii) Loji dan mesin disusut nilai 20% setahun atas nilai buku.
- (iii) Kadar bayaran dan belanja am hendaklah dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (iv) Insurans dibayar untuk setahun berakhir pada 31 Disember 2020.
- (v) Sewa belum terperoleh RM6 000, 30% keluasan bangunan diguna sebagai pejabat

- (vi) Peruntukan alat tulis untuk pengurusan kilang sebanyak 25%.
- (vii) Unit jualan dan pengeluaran berjumlah 100 000 set.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
- (b) Hitungkan set jualan paling minimum yang perlu dijual pada 2020.

Jawapan: (a) Kos Bahan Langsung RM2 232, Kos Buruh Langsung RM248, Kos Prima RM2 680, Kos Overhed RM415, Kos Pengeluaran RM3 080 (b)20 000 set

Soalan 2

Syarikat Forever Berhad adalah pengeluar barangan kosmetik. Berikut adalah butiran yang diambil daripada syarikat tersebut pada 31 Disember 2020.

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Inventori bahan langsung	6 170	6 130
Kerja dalam proses	1 350	410
Inventori barang siap	3 120	5 430
Alat-alat kecil kilang	1 350	1 040
	RM	
Belian bahan langsung	51 380	
Belian alat-alat kecil	1 720	
Pulangan belian	2 355	
Angkutan masuk	1 760	
Gaji operator kilang	22 325	
Gaji pengurus kilang	12 400	
Insurans	8 000	
Kadar bayaran	10 000	
Pulangan jualan	3 200	
Gas dan bahan bakar kilang	5 435	
Jualan	190 200	
Sewa	6 700	
Loji dan mesin (kos)	84 000	
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	12 800	
Penyelenggaraan kilang	8 160	
Peralatan kilang (kos)	32 000	
Bayaran royalti	10 470	
Belanja memperbaiki alatan dan mesin	3 160	

Maklumat tambahan:

- (i) Pemilik belum membayar gaji operator kilang sebanyak RM1 970.
- (ii) Belanja penyelenggaraan kilang RM350 termasuk untuk bulan Januari 2021.

- (iii) Kadar bayaran masih berbaki RM2 000.
- (iv) Nota kredit RM455 daripada pembekal bahan mentah belum direkod.
- (v) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	<u>Kilang</u>	<u>Pejabat</u>
	%	%
Sewa	70	30
Insurans	80	20
Kadar bayaran	90	10

- (vi) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vii) Peralatan kilang disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

*Jawapan: (a) Kos Bahan Langsung RM50 370, Kos Buruh Langsung RM24 295, Kos Prima RM85 135, Kos Overhed RM70 165, Kos Pengeluaran RM156 240
(b) Kos Jualan RM153 930, Untung Kasar RM33 070*

Soalan 3

Berikut merupakan maklumat perakaunan Perusahaan Kencana yang diperolehi pada 30 Jun 2020

	Debit	Kredit
	RM	RM
Bank	66 886	
Inventori pada 1 Julai 2019:		
Bahan langsung	17 010	
Barang siap	43 072	
Kerja dalam proses	6 480	
Alat-alat kecil pada 1 Julai 2019	925	
Jualan		572 620
Belian bahan langsung	181 350	
Pulangan belian bahan langsung		1 275
Mesin (kos)	25 000	
Peralatan (kos)	51 000	
Susut nilai terkumpul mesin		4 750
Angkutan masuk bahan langsung	855	
Sewa	98 400	
Penyelenggaraan kilang	6 167	
Kadar bayaran	22 400	
Bahan api kilang	5 700	
Belian alat-alat kecil	1 265	
Gaji operator pengeluaran	48 000	
Gaji penyelia kilang	14 800	
Gaji pengurus kilang	30 000	
Akaun Belum Terima	18 650	
Akaun Belum Bayar		11 900
Modal		47 415
	637 960	637 960

Maklumat tambahan :

i) Inventori pada 30 Jun 2020 :

	RM
Bahan langsung	11 500
Barang siap	12 100
Kerja dalam proses	4 885

- ii) Gaji operator pengeluaran masih belum dibayar untuk bulan Jun berjumlah RM2 500.
- iii) Polisi susut nilai perniagaan adalah seperti berikut:
- a) Susut nilai mesin adalah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 - b) Susut nilai peralatan adalah 12% setahun atas kos. Penggunaan peralatan antara kilang dan pejabat ialah 2 : 1.
- iv) Bayaran royalti telah dibayar sebanyak RM5 500. Perkara ini terlupa direkodkan.
- v) Kenderaan bernilai RM60 000 dibawa masuk oleh pemilik pada 1 Januari 2020. Kenderaan ini dijangka boleh digunakan selama 6 tahun dan nilai skrapnya adalah RM6 000. Penggunaan kenderaan di pejabat adalah 60% dan selebihnya untuk kilang.
- vi) Kadar penggunaan belanja sewa dan kadar bayaran untuk kilang ialah 65%.
- vii) Alat – alat kecil pada 30 Jun 2020 ialah RM322

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

Jawapan: (a) Kos Bahan Langsung RM186 440, Kos Buruh Langsung RM50 500, Kos Prima RM242 440, Kos Overhed RM144 960, Kos Pengeluaran RM388 995
(b) Kos Jualan RM419 967, Untung Kasar RM152 653

Soalan 4

Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Lekor Snacks yang beroperasi di Johor

		RM
1 Januari 2020	Inventori barang siap	10 000
	Inventori bahan langsung	2 570
31 Disember 2020	Inventori barang siap	25 000
	Inventori bahan langsung	1 895
	Inventori alat kecil	200
	Jualan barang siap	36 000
	Belian bahan langsung	15 925
	Angkutan masuk bahan langsung	470
	Gaji operator pengeluaran	10 278
	Gaji pengurus kilang	4 110
	Gaji pentadbiran pejabat	3 450
	Pulangan belian bahan langsung	5 925
	Paten	5 000
	Kadar bayaran	655
	Belanja am	285
	Insurans	240
	Susut nilai mesin kilang	1 200
Alat kecil	1 000	

Maklumat Tambahan:

- (i) Kadar bayaran belum bayar ialah RM250.
- (ii) Pembahagian belanja antara kilang dan pejabat ialah 60% dan 40% masing-masing.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Jawapan: (a) Kos Bahan Langsung RM11 145, Kos Prima RM26 423, Kos Overhead RM6 968, Kos Pengeluaran RM33 391
(b) Kos Jualan RM18 391, Untung Kasar RM17 609

Soalan 5

En Zizan merupakan pemilik Kilang Kasut Sinaran. Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		274 100
Inventori Pada 1 Januari 2020:		
Bahan langsung	43 500	
Kerja dalam proses	15 000	
Barang siap	20 800	
Jualan		784 500
Komisen diterima		5 480
Alat-alat kecil pada 1 Januari 2020	5 500	
Peralatan (Kos)	190 000	
Kenderaan (Kos)	22 500	
Susut nilai terkumpul pada 1 Januari 2020:		
Peralatan		37 000
Kenderaan		9 000
Peruntukan hutang ragu		550
Belian:		
Bahan langsung	278 700	
Bahan tak langsung	10 460	
Pulangan belian bahan langsung		510
Belian alat-alat kecil	2 500	
Upah langsung	216 470	
Upah tak langsung	33 210	
Gaji pentadbiran kilang	11 500	
Gaji penyelia kilang	9 500	
Alat tulis	1 050	
Kadar bayaran	6 500	
Belanja pentadbiran pejabat	15 630	
Sewa	22 500	
Insurans	1 200	
Paten	500	
Belanja membaiki peralatan	3 900	
Hutang lapuk	200	
Ambilan	21 500	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	124 820	67 550
Bank	121 250	
	1 178 690	1 178 690

Maklumat tambahan:

	RM
(i) Inventori pada 31 Disember 2020:	
Bahan langsung	33 500
Kerja dalam proses	22 500
Barang siap	18 900
(ii) Gaji penyelia kilang belum bayar	1 580
(iii) Alat tulis belum digunakan	650
(iv) Komisen belum terperoleh	1 400
(v) Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:	
- Peralatan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan	
- Kenderaan 20% setahun atas kos	
- Pada 31 Disember 2020, alat-alat kecil dinilai semula sebanyak RM550	
(vi) Agihan perbelanjaan antara kilang dan pejabat adalah mengikut nisbah 3:1.	

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Jawapan: Kos Bahan Langsung RM288 190, Kos Prima RM505 160, Kos Overhead RM114 425, Kos Pengeluaran RM612 085

Soalan 6

Butir-butir berikut daripada Larkin Toys Factory, sebuah kilang pengeluaran produk permainan kanak-kanak pada 30 Jun 2020.

	RM	RM
Inventori bahan langsung, 1 Julai 2019		2 210
Kerja dalam proses, 1 Julai 2019		
Bahan langsung	720	
Kos buruh	600	
Kos overhed	510	1 830
Belian bahan langsung		21 820
Duti atas belian bahan langsung		560
Belanja langsung		2 000
Gaji pengurus kilang		4 600
Gaji pengurus pemasaran		3 500
Belanja am kilang		250
Belanja am pejabat		200
Sewa bangunan		3 000
Insurans		1 600
Kadar bayaran		1800
Buruh langsung		2 400
Angkutan keluar kilang		500
Peralatan kecil kilang		3 500
Alat tulis		460
Loji dan Mesin (dibeli pada 1 Januari 2020)		18 000

Maklumat Tambahan:

	RM
(i) Inventori bahan langsung, 30 Jun 2020	1 980
(ii) Kerja dalam proses, 30 Jun 2020	
Bahan langsung	680
Kos buruh	590
Kos overhed	500
(iii) Peralatan kecil disusutnilaikan 5% setahun atas kos	
(iv) Loji dan Mesin hendaklah disusutnilaikan 10% atas kos setahun.	
(v) Kadar bayaran dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.	
(vi) Insurans dibayar untuk setahun pada 31 Disember 2019.	
(vii) Sebanyak RM500 sewa masih belum dijelaskan dan 70% daripada bayaran sewa dikenakan pada kilang dan bakinya pada pejabat.	
(viii) Peruntukan alat tulis untuk pengurusan kilang sebanyak 25%.	

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

Jawapan: Kos Bahan Langsung RM22 650, Kos Buruh Langsung RM2 410, Kos Prima RM27 060, Kos Overhed RM11 000, Kos Pengeluaran RM38 060

Titik Pulang Modal

**Disediakan oleh : Cikgu Shahida Binti Shahr
SMK Seri Bali, Segamat**

**Disemak oleh : Cikgu Salrafiahhasliza Binti Salih
SMK Simpang Rengam, Kluang**

ANALISIS KOS VOLUM UNTUNG

- Titik pulang modal adalah satu paras di mana perniagaan tidak mendapat sebarang kerugian / keuntungan.
- Pada titik pulang modal, jumlah hasil jualan sama dengan jumlah kos dan untung adalah sifar.

PENGIRAAN TITIK PULANG MODAL

$$\begin{aligned}\text{Titik pulang modal (unit)} &= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga jualan seunit} - \text{kos berubah seunit}} \\ &= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman seunit}}\end{aligned}$$


MARGIN CARUMAN

Margin caruman ialah lebih harga jualan daripada kos berubah seunit keluaran syarikat itu.

Margin caruman seunit = harga jualan seunit – kos berubah seunit

UNTUNG SASARAN

$$\text{Jumlah Pengeluaran} = \frac{\text{Kos tetap} + \text{untung sasaran}}{\text{Margin caruman seunit}}$$



LATIHAN
ANALISIS TITIK PULANG MODAL

Soalan 1

Kilang Arya adalah pengeluar produk kesihatan berjenama Diet Oat. Berikut adalah maklumat berkaitan kos pengeluaran bagi produk tersebut.

- a) Lengkapkan jadual di bawah

Unit Keluaran	Jualan RM	Kos Berubah RM	Kos Tetap RM	Jumlah Kos RM
0	0	0	5 000	5 000
1 000	3 000	1 000		
2 000				
3 000				

Andaikan kos berubah dan harga jualan seunit adalah malar.

- b) Lakarkan Graf Titik Pulang Modal di Lampiran 1 dengan menunjukkan:
- (i) Garisan kos tetap
 - (ii) Garisan jumlah kos
 - (iii) Garisan jumlah hasil
 - (iv) Titik Pulang Modal

Soalan 2

Kilang Perabot Gemilang merupakan pengeluar meja lipat yang terletak di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka. Berikut merupakan maklumat pelbagai peringkat keluaran meja lipat bagi tahun 2020.

Paras keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	20 000	0
2 000	80 000	140 000
4 000	140 000	280 000
6 000	200 000	420 000
8 000	260 000	560 000

Kos tetap diandaikan malar.

Hitung :

- Jumlah Kos Tetap
- b)** Kos Berubah Seunit
- c)** Titik Pulang Modal
- d)** Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapat untung sebanyak RM40 000.
- e)** Melakar Graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan kos tetap, jumlah kos, jumlah hasil dan titik pulang modal.

Jawapan : i) RM20 000, ii) RM30, iii) 500 unit, RM35 000, iv) 1 500 unit

Soalan 3

SenWell Enterprise, pengeluar minuman kesihatan di Klang bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan yogurt berjenama Ambrosia. Harga jualan satu paket minuman berkenaan ialah RM5.00.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai Mesin	1 200
Sewa kilang	800
Susu mentah	1.60 satu paket
Gula pasir	0.50 satu paket
Buah-buahan	0.50 satu paket
Lain-lain bahan	0.40 satu paket
Upah langsung	1.00 satu paket

Anda dikehendaki :

Menghitung :

- a)**
 - (i)** Margin Caruman Seunit.
 - (ii)** Titik Pulang Modal.
- b)** Berdasarkan jawapan anda (a), lukiskan Graf Titik Pulang Modal pada kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai.
Anda perlu :
 - (i)** Labelkan semua garisan pada graf
 - (ii)** Tunjukkan Titik Pulang Modal
 - (iii)** Lorekkan kawasan untung dan rugi

- c) Hitung keuntungan yang diperolehi sekiranya SenWell Enterprise mensasarkan pengeluaran sebanyak 15 000 paket Ambrosia.
- d) Nyatakan fungsi Titik Pulang Modal kepada pengeluar.

*Jawapan : a)(i) RM1 seunit, (ii) 2 000 unit, RM10 000,
c) RM13 000*

Soalan 4

Maryam Enterprise adalah pengeluar susu berasaskan kurma berjenama MARYAM di Kangar, Perlis.

Anggaran kos dan harga jualan adalah seperti berikut:

	RM
Susu segar	2.00
Kurma	0.50
Lain-lain bahan	0.50
Gaji buruh langsung	0.50
Sewa kilang	1 000
Insurans kilang	300
Harga jualan	5.50

Anda dikehendaki menghitung:

- a) Kos Tetap
- b) Kos Berubah
- c) Titik Pulang Modal
- d) Berdasarkan jawapan di atas, lakarkan Graf Titik Pulang Modal.

Jawapan : a) RM1 300, b) RM3.50, c) 650 unit, RM3 575

Soalan 5

Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Jugra yang mengeluarkan kasut sukan.

	RM
Kos Tetap	12 000
Kos Berubah	12 000
Jualan (RM4.00 seunit)	24 000

Dengan menggunakan kaedah graf:

- a) Lakarkan:
- (i) Garisan kos tetap
- (ii) Garisan jumlah hasil
- (iii) Garisan jumlah kos
- (iv) Labelkan Titik Pulang Modal

- (v) Nyatakan keuntungan yang diperolehi jika Kilang Jugra mengeluarkan 10 000 unit kasut. (Tunjukkan luas kawasan untung pada graf).
- b) Kirakan kuantiti kasut yang perlu dikeluarkan untuk mendapat keuntungan sebanyak RM18 000 menggunakan kaedah margin caruman.

Jawapan : b) 15 000 unit

Soalan 6

Sharina bercadang untuk mengeluarkan sarung kusyen yang dijual pada harga RM12 seunit. Anggaran kos yang dijangkakan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai Mesin dan Alatan	3 500
Kos tetap yang lain	500
Kos berubah seunit	4

Anda dikehendaki :

- a) Melakar Graf Titik Pulang Modal.
- b) Menghitung unit yang perlu dijual untuk mendapatkan untung sebanyak RM5 000.

Jawapan : b) 1 125 unit